




JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA



LAPORAN AKTIVITI 2020

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Excellent Accounting @ Your Service

KANDUNGAN

PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA	2
LATAR BELAKANG	4
VISI, MISI & OBJEKTIF	5
CARTA ORGANISASI	6
PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2020/2021	8
NILAI BERSAMA & ETIKA KERJA	10 - 11
PIAGAM PELANGGAN	12
TAGLINE & LAGU JABATAN	13
DIARI	15
LAPORAN AKTIVITI	
i) PENGURUSAN TERTINGGI	21
- Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) - Unit Integriti (UI) - Unit Undang – undang (UU)	
ii) PENGURUSAN KORPORAT	35
- Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan (BPPP) - Bahagian Khidmat Perunding (BKP) - Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) - Institut Perakaunan Negara (IPN)	
iii) PENGURUSAN OPERASI	87
- Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA) - Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) - Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD) - Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF) - Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)	
iv) MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)	113
v) AKRAB	117
vi) PERSATUAN	121
- Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) - Persatuan Penolong Akauntan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (PERPENA) - Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI) - Persatuan Suri Dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) - Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JHEAIN)	
vii) KELAB	133
- Badan Kebajikan Perkhidmatan Perakaunan Akauntan Negara Malaysia (BERKAT) - Kelab Sukan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (KESAN)	
AHLI JAWATANKUASA	139
PENGHARGAAN	141

PERUTUSAN

Akauntan Negara Malaysia

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang,

Ucapan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) masih dapat meneruskan penerbitan Laporan Aktiviti bagi tahun 2020 ini. Kita semua sedia maklum tahun 2020 merupakan tahun yang kritikal kepada kita semua. Dalam keterujaan kita untuk memastikan semua aspirasi Negara dan Jabatan tercapai, kita diduga dengan ancaman pandemik Coronavirus (COVID-19) yang memberi impak kepada aktiviti ekonomi dan sosial bukan sahaja di Malaysia malah seluruh dunia. Namun, di sebalik ujian dan ancaman COVID-19 ini, JANM terus melangkah untuk memastikan semua perancangan, hala tuju dan operasi pada tahun 2020 tetap dilaksanakan.

Demi memastikan semua aktiviti Jabatan direkodkan, maka semua program, acara, dasar dan pencapaian Jabatan sepanjang tahun 2020 telah dimuatkan dalam penerbitan Laporan Aktiviti Tahun 2020 supaya menjadi sumber rujukan dan panduan pelbagai pihak pada masa akan datang. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Aktiviti Tahunan JANM pada edisi kali ini. Walaupun banyak program dan aktiviti yang direncanakan pada tahun 2020 terpaksa dilihat kembali dan disesuaikan mengikut keadaan dan situasi normal baharu, ini tidak menghalang JANM untuk meneruskan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Tirai tahun 2020 JANM dimulakan dengan pelancaran semakan wang tak dituntut secara dalam talian melalui *Electronic Government Unclaimed Money Information System* (eGUMIS) pada 1 Januari 2020. Tuntutan bayaran balik wang tak dituntut secara dalam talian juga telah dilancarkan pada 16 Julai 2020. Ini adalah bertepatan dengan situasi Negara yang kini mula mencorakkan perkhidmatan dalam talian sebagai norma baharu di dalam urusan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.



Tahun 2020 merupakan tahun kedua Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) disediakan menggunakan *Integrated Government Financial Management Accounting System* (iGFMAS). Sesi tandatangan PKKP Tahun 2019 oleh YBhg. Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah diadakan pada 9 Mac 2020 sebelum diserahkan kepada Ketua Audit Negara. Bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian infrastruktur iGFMAS, JANM juga telah melaksanakan Projek Infrastruktur iGFMAS dan Sistem Sokongan (*Technology Refresh*) pada tahun 2020 yang merangkumi tiga (3) persekitaran iGFMAS iaitu Pembangunan (*Development*), Pengeluaran (*Production*) dan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery*).

Pelaksanaan sistem iSPEKS oleh Kerajaan Negeri adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan ke arah landskap Perakaunan Akruan yang mengguna pakai standard, dasar serta polisi diterima umum dan memiliki penarafan antarabangsa. Sehingga tahun 2020, sebanyak lapan (8) Kerajaan Negeri telah menggunakan iSPEKS dan sehingga 2021 dijangka semua Kerajaan Negeri akan mengguna pakai sistem ini.

JANM telah melakar sejarah pada tahun 2020 apabila piawaian bagi Fasa 1 iaitu Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat & Wakaf (PPIBZW) – Pembentangan Penyata Kewangan telah diperaku dan diluluskan untuk pemakaian awal pada 16 Julai 2020 setelah pembangunannya memasuki tahun kelima. Walaupun terkesan dengan pandemik COVID-19 di dalam fasa pembangunan pada tahun 2020, kualiti penggubalan dan penyemakan piawaian tersebut tidak dikompromi.

Pada tahun 2020 juga menyaksikan seramai 78 Akauntan telah lulus penuh program profesional perakaunan berbanding 67 orang pada tahun sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 16 peratus. Walaupun program pembelajaran dan kaedah peperiksaan perlu berubah kepada mod secara dalam talian, hasil usaha dan sokongan serta komunikasi berkesan dengan semua pihak, program ini menunjukkan perkembangan positif dengan pencapaian amat membanggakan. Secara keseluruhannya, seramai 560 orang Akauntan JANM serta sembilan (9) orang Akauntan dari sektor awam yang lain telah dilatih menerusi program ini sejak diperkenalkan pada tahun 2012.

JANM telah melakar sejarah pada tahun 2020 apabila piawaian bagi Fasa 1 iaitu Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat & Wakaf (PPIBZW) – Pembentangan Penyata Kewangan telah diperaku dan diluluskan untuk pemakaian awal pada 16 Julai 2020 setelah pembangunannya memasuki tahun kelima.

Perjalanan dan kejayaan yang dilakar JANM sepanjang tahun 2020 ini adalah berkat iltizam, komitmen dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh semua warga JANM dan penerbitan buku ini adalah menjadi testimoni komitmen dan apresiasi semua warga Perakaunan di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan dan rakyat. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua warga JANM dan semoga Allah S.W.T sentiasa mempermudah segala urusan dan tanggungjawab kita. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA (C.A(M))
Akauntan Negara Malaysia

LATAR BELAKANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road). Pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam.

Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:

1. Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
2. Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
3. Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
4. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
5. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
6. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
7. Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
8. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
9. Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
10. Institut Perakaunan Negara (IPN)
11. Unit Integriti (UI)
12. Unit Undang-undang (UU)

Kini, JANM beroperasi di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya dan mempunyai 24 pejabat Negeri/Cawangan di seluruh Malaysia.

Peneraju JANM

Jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh En. G.G.T Browne dalam tahun 1946. Pada tahun 1967, kepimpinan JANM telah diambil alih oleh anak tempatan. Senarai nama Akauntan Negara dari tahun 1946 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Bil	Akauntan	Tahun
1	G.G. T Browne	1946
2	E.A. Joy	1947 – 1949 dan 1951 – 1952
3	J.H. Newbigging	1953 – 1955 (memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1950)
4	C.E. Gascoigne	1956 – 1957
5	H.C. Roberts	1958 – 1962
6	D. Mortimer	1964 – 1966
7	YBhg. Dato' Shamsir bin Omar	1967 – 1989
8	Y.M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	1990 – 1993
9	YBhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali	1994 – 1999
10	YBhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman	2000 – 2003
11	YBhg. Dato' Othman bin Abdullah	2003 – 2005
12	YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud	2005 – 2010
13	YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman	2010 – 2014
14	YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin	2015 – 2017
15	YBhg. Datuk Saat bin Esa	2017 – 2019
16	YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa	2019 – Sekarang

Nota : a) En. Mohammad Raslan bin Abdullah memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1963.

b) En. Zainul Abidin bin Yahya telah menanggung kerja sebagai Akauntan Negara pada 1989 – 1990.

01



VISI

Sebagai Peneraju Terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam.

02



MISI

Mengukuhkan Pengurusan Kewangan Sektor Awam secara berhemat dengan dasar yang progresif dan sistem perakaunan yang efisien menerusi kakitangan profesional dan kolaborasi strategik.


03



OBJEKTIF

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.
- Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

CARTA ORGANISASI



* SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2020



PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2020/2021



**1. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa**

Akauntan Negara Malaysia

2. Encik Mohd Redzuan bin Hasan

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

3. Encik Sadikin bin Aton

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

4. Puan Salmiah binti RamliPengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi
Pusat dan Agensi (BPOPA)**5. Encik Muniandy a/l Govindasamy**

Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP)

6. Tuan Haji Rozaimi bin IdrisPengarah Bahagian Pengurusan Operasi
Pejabat Perakaunan (BPOPP)**7. Puan Nor Yati binti Ahmad**Pengarah Pasukan Pelaksanaan Perakaunan
Akruan (PPPA)**8. Puan Noorlida binti Mohd Khalid**Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam
(BPAD)**9. Puan Hanita binti Bunjari**Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi
Maklumat (BPTM)**10. Puan Zainani binti Jusoh**Pengarah Bahagian Akaun Kementerian
Kewangan (BA MOF)**11. Tuan Haji Ayub bin Haji Zaidin**Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak
Dituntut (BWTD)**12. Tuan Haji Zaharin bin Othman**Pengarah Bahagian Pembangunan
Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)**13. Encik Burhanudin bin Mohd Noor**

Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)

Tiada dalam gambar :

1. Encik Jafril bin JunitPengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan
dan Pengurusan (BPPP)
(Sehingga 23 Mac 2020)**2. Puan Hamidah binti Noh**Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam
(BPAD)
(Sehingga 13 Ogos 2020)

NILAI BERSAMA

SPECIAL



ETIKA KERJA

SPECIAL



S : Mengutamakan pelanggan (*Satisfying the customers*)

1. Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan *stakeholders*.
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
3. Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.



P : Profesionalisme (*Professionalism*)

1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
2. Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
3. Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
4. Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
5. Mempamerkan nilai dan tingkah laku yang berkualiti dan kompeten.
6. Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
7. Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.



EC : Kerja Berpasukan (*Esprit de Corp*)

1. Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
2. Mempunyai sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
3. Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
4. Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
5. Saling hormat menghormati dan mengeratkan silaturahim.



IA : Integriti dan Akauntabiliti (*Integrity and Accountability*)

1. Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
2. Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
3. Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
4. Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.



L : Kesetiaan (*Loyalty*)

1. Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
2. Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
3. Memahami, menghayati dan mematuhi Nilai Bersama jabatan.

PIAGAM PELANGGAN

1

Menyerahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) yang tepat dan lengkap berasaskan undang-undang, piawaian dan dasar perakaunan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir tahun kewangan.

2

Melaksanakan pembayaran wang tak dituntut/sekuriti tak dituntut dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3

Memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh tiga (3) hari kalendar dari tarikh arahan pembayaran diluluskan oleh PTJ.

Memastikan:

4

- Pembayaran emolumen dibuat mengikut tarikh/jadual hari pembayaran gaji tahunan yang ditetapkan.
- Maklumat Penyata Gaji Bulanan dikeluarkan pada tarikh gaji.
- Maklumat Penyata Pendapatan Tahunan diproses dan dikeluarkan pada bulan Mac tahun berikutnya.

5

Memperakukan permohonan sistem perakaunan dan kewangan sektor awam dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh permohonan yang lengkap.

6

Memastikan terimaan diperakaunkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam AP78(a).

7

Mengeluarkan keputusan permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh terima permohonan lengkap.

8

Memberi maklum balas kepada pertanyaan berkaitan prosedur kewangan dan perakaunan dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh pertanyaan diterima.

9

Mengeluarkan laporan audit dalam tempoh 21 hari dari tarikh Mesyuarat Penutup.

10

Mengeluarkan Penyata Kewangan Kementerian Kewangan pada bulan berikutnya.

Memastikan pemberitahuan akuan terima bagi aduan dan pertanyaan dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari bagi sistem berikut:

11

- iGFMS *ServiceDesk*
- *Helpdesk* Akruan
- *Helpdesk* iSPEKS
- *Helpdesk* iSPLN
- SISPAA

12

Memastikan penyampaian kursus yang berkualiti dan skor penilaian kursus yang dijalankan ≥ 6.00 .

TAGLINE

Excellent Accounting @ Your Service

Tagline Excellent Accounting @ Your Service telah dibentuk semasa bengkel 'To Be Accounting Model' yang telah diadakan pada 8 hingga 9 Ogos 2003. *Tagline* ini merangkumi keseluruhan aspek komitmen dan dedikasi JANM selaras dengan misi dan visi untuk menjadi organisasi terbilang dalam perakaunan dan kewangan sektor awam serta etika kerja Jabatan yang mengutamakan pelanggan.

Excellent Accounting

Merujuk kepada sifat proaktif dan inovatif Jabatan dalam membangun dan melaksanakan sistem perakaunan yang terbaik. Ia juga membawa maksud JANM sentiasa responsif dan peka terhadap perkembangan semasa dari segi peraturan kewangan, teknologi dan keperluan pelanggan.

@

Mewakili kemajuan teknologi JANM dalam menongkah arus pemodenan dengan implementasi dan perubahan kepada sistem perakaunan yang lebih efisien. Kedudukan simbol @ di tengah-tengah *tagline* mewakili kemajuan teknologi JANM yang bertindak sebagai penghubung dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang Jabatan kepada pelanggan.

Your Service

Menunjukkan komitmen serta usaha Jabatan dalam mengutamakan pelanggan. Melalui pembangunan sistem pengurusan sumber manusia yang efektif dan berterusan akan mengukuhkan komitmen dan dedikasi Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan profesional yang cekap dan mesra pelanggan.

LAGU JABATAN

Jujur setia ikhlas di jiwa
Murni pekerti amal mulia
Bersatu teguh sesama kita
Terus maju sentiasa

Terus berusaha menuju cita
Ikhlas membantu amalan kita
Khidmat diberi di mana saja
Demi bangsa dan negara

Setia kepada Jabatan
Maju mencapai kecemerlangan
Berkat bersatu usaha mulia
Untuk kejayaan bersama

Tekun berusaha setiap masa
Taat setia amanah bangsa
Sematkan jiwa rajin usaha
Maju Akauntan Negara

Ciptaan: Encik Affendi bin Ramli



DIARI

DIARI



1



2



3



4

1. **6 Januari 2020**
Majlis Perutusan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2020
2. **9 Januari 2020**
Lawatan Akauntan Negara Malaysia Ke Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, JPA
3. **17 Januari 2020**
Lawatan Akauntan Negara Malaysia Ke Pejabat Ketua Pengarah MAMPU

4. **1 Februari 2020**
Pengurniaan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah Kepada Akauntan Negara Malaysia Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2020
5. **4 Mac 2020**
Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan JANM Tahun 2019



5



6



7



8



9



10

6. **6 Mac 2020**
Sesi Tandatangani
Penyata Kewangan
Kerajaan Persekutuan
2019 Oleh Akauntan
Negara Malaysia
7. **9 Mac 2020**
Sesi Tandatangani
Penyata Kewangan
Kerajaan Persekutuan
2019 Oleh Ketua
Setiausaha
Perbendaharaan
8. **29 April 2020**
Lawatan Timbalan
Menteri Kewangan
Ke Jabatan Akauntan
Negara Malaysia
9. **21 Mei 2020**
Lawatan Menteri
Kewangan Ke
Jabatan Akauntan
Negara Malaysia
10. **5 Ogos 2020**
Sesi Pembentangan
Penyata Kewangan
Kerajaan Persekutuan
2019 Kepada
Ketua Setiausaha
Perbendaharaan



11

11. **13 Ogos 2020**
Mesyuarat Agung Khas Badan Kebajikan Perkhidmatan Perakaunan (BERKAT) Kali Ke - 10 Tahun 2020
12. **28 Oktober 2020**
Sesi Kemaskini Pencapaian Pelan Strategik JANM 2019 - 2023
13. **18 Disember 2020**
Kempen Penanaman 100 Juta Pokok



12



13

The background of the entire page is a photograph of a large, modern, multi-story building with a grid-like facade. A semi-transparent purple overlay covers the entire image. The building has several windows and a flag is visible on the left side. The text is overlaid on the right side of the image.

LAPORAN AKTIVITI

PENGURUSAN TERTINGGI

BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM BPAD

Dunia dan Malaysia secara khususnya kini menjalani satu kebiasaan baharu (*new normal*) akibat daripada pandemik Covid-19 yang melanda ketika ini. Tidak terkecuali bagi BPAD yang terkesan kerana perlu memastikan pengauditan dilaksanakan mengikut jadual yang dirancang. Ini bagi memastikan pematuhan peraturan kewangan dan perakaunan kerajaan sentiasa dipertingkatkan. Pemantauan kawalan dalaman dan khidmat nasihat semasa pengauditan dijalankan bagi memastikan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan serta pembangunan modal insan yang kompeten.

Arahan Perbendaharaan 138 menyatakan tanggungjawab Akauntan Negara Malaysia adalah memastikan sistem perakaunan yang wujud berada dalam keadaan yang teratur bagi mengelak daripada berlaku kehilangan dan penyelewengan wang awam. Sehubungan itu, BPAD telah pun menjalankan pengauditan di kementerian, jabatan, pusat tanggungjawab (PTJ), agensi kerajaan dan syarikat milik kerajaan bagi memastikan wang awam diurus dan dibelanjakan dengan teratur mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Selaras dengan *tagline* BPAD **#businesspartners@yourservices**, pengauditan yang dijalankan bukan bertujuan mencari kesalahan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, tetapi membantu menambah baik prosedur kewangan dan perakaunan serta persembahan penyata kewangan akruan kementerian sebelum pengauditan sebenar dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara.

Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Kementerian

BPAD telah menjalankan Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Kementerian bermula pada tahun 2019 yang melibatkan Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Penyata Kewangan Kerajaan Akruan (Stage 3) dan Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan pada tahun 2020.

Pada tahun 2020 juga, sebanyak 11 Kementerian dan tiga (3) PTJ terlibat dengan Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan kementerian seperti berikut:

3 – 14 Februari 2020	•Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
3 – 14 Februari 2020	•Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
2 – 13 Mac 2020	•Kementerian Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (MESTECC)
2 – 13 Mac 2020	•Kementerian Perlombongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
15 – 26 Jun 2020	•Kementerian Sumber Manusia (KSM)
15 – 30 Jun 2020	•Kementerian Dalam Negeri (KDN)
6 – 24 Julai 2020	•Kementerian Kerja Raya (KKR)
13 – 24 Julai 2020	•Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)
10 Ogos – 4 September 2020	•Kementerian Pertahanan (MINDEF)
17 Sept – 7 Oktober 2020	•Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
17 Sept – 13 Oktober 2020	•Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)


Rajah 1 : Pengauditan Di Bahagian Akaun (BA) Kementerian

6 - 10 Julai 2020	•Institut Perakaunan Negara (IPN)
10 - 21 Ogos 2020	•Jab. Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
21 Sept - 9 Oktober 2020	•Ibu Pejabat Jab. Bomba & Penyelamat Malaysia

Rajah 2 : Pengauditan Di Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Penyata Kewangan Kerajaan Akruan (Stage 3)

Objektif pengauditan ini adalah bagi memastikan data baki awal yang dimigrasikan ke iGFMS adalah tepat dan lengkap serta mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Pengauditan ini merangkumi 16 skop pengauditan, manakala pengauditan di PTJ merangkumi tiga (3) skop aset. Secara keseluruhannya terdapat 166 penemuan di kementerian dan 29 penemuan di PTJ seperti berikut:



Pengauditan Di BA Kementerian




Pengauditan Di PTJ

Rajah 3 : Statistik Penemuan Mengikut Skop Pengauditan Migrasi Data Baki Awal

Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan

Objektif pengauditan ini adalah bagi memastikan semua transaksi kewangan di kementerian diperakaunkan mengikut piawaian dan polisi yang berkuat kuasa dan dipersembahkan dengan tepat dan betul dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Nota Kepada Penyata Kewangan dan Penyata Prestasi Bajet. Pra Pengauditan ini merangkumi enam (6) skop di BA Kementerian manakala empat (4) skop di PTJ. Secara keseluruhannya terdapat 239 penemuan di kementerian dan 22 penemuan di PTJ seperti berikut:



Rajah 4 : Statistik Penemuan Mengikut Skop Pengauditan Penyata Kewangan Akruan

Pengauditan Perakaunan Hasil Duti Setem Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM)

Pada tahun 2020, pengauditan perakaunan hasil duti setem LHDN telah dilaksanakan di satu (1) Pusat Khidmat Hasil (PKH) iaitu LHDNM PKH Jempol dan lima (5) Pejabat Setem Cawangan (PSC) iaitu LHDNM PSC Taiping, Wangsa Maju, Kuala Terengganu, Kluang dan Petaling Jaya.




Barisan Pegawai Juruaudit LHDN Dan Pegawai LHDNM PSC Kluang

Verifikasi Prestasi Pengurusan Kewangan Dan Akaun Bagi Pengesahan Kenaikan Pangkat Ketua Jabatan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA)

Salah satu usaha bagi memastikan pengurusan kewangan dan akaun di semua agensi kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut peraturan yang berkuat kuasa, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menetapkan urusan pengesahan kenaikan pangkat Ketua Jabatan perlu mengambil kira prestasi pengurusan kewangan dan akaun jabatan/ agensi berkenaan.

Pada tahun 2020, BPAD telah melaksanakan Verifikasi terhadap prestasi pengurusan kewangan dan akaun bagi 44 Ketua Jabatan dengan penarafan seperti Carta 1 berikut:



Carta 1 : Penarafan LPPKA Bagi Tahun 2018 Dan 2019

Berikutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang disebabkan oleh pandemik Covid-19, sebanyak 15 verifikasi dilaksanakan di pejabat BPAD berdasarkan dokumen yang telah dikemukakan oleh Jabatan secara *softcopy* dan Mesyuarat Penutup telah dilaksanakan secara dalam talian.

Verifikasi ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan dan pemantapan pengurusan kewangan di jabatan kerajaan. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan kewangan di bawah seliaan mereka dilaksanakan dengan teratur dan berintegriti mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA)

Objektif Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti adalah memberi jaminan (*assurance*) bahawa kawalan dalaman yang dilaksanakan di Bahagian/JANM Negeri dan Cawangan adalah mencukupi dan berkesan dalam sistem pengurusan kewangan. Pengauditan ini juga adalah untuk membantu JANM bersiap siaga bagi mendapat penarafan terbaik dalam penilaian Indeks Akauntabiliti oleh Audit Dalam Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia.

Pada tahun 2020, sebanyak 14 pengauditan telah dijalankan di Bahagian JANM dan JANM Negeri/Cawangan berbanding 19 yang dirancang pada Rancangan Pengauditan Tahunan disebabkan oleh Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia.

Berdasarkan penarafan pengauditan yang diberikan hanya tiga (3) pejabat telah diberi penarafan Cemerlang iaitu 90% - 100% manakala 11 pejabat lagi diberi penarafan Baik iaitu 75% - 89%. Mulai tahun 2020, BPAD telah melaksanakan Sistem Penalti ke atas skema pemarkahan sedia ada dengan kenaan elemen penalti ke atas isu yang berisiko tinggi dan berulang.



Rajah 5 : Penarafan Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA)



Pasukan Pengauditan Bergambar Bersama Pengurusan JANM Negeri Sabah



Pasukan Pengauditan Bergambar Bersama Pengurusan BPOPP

Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 BPAD

BPAD dalam usaha mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi Pengurusan Pengauditan. Tujuan pelaksanaan MS ISO ini adalah bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pemegang taruh.

Pada tahun 2020, bengkel persediaan Pensijilan MS ISO 9001:2015 telah dilaksanakan pada 30 September hingga 2 Oktober 2020 bertempat di Hotel Mercury Selayang. Objektif utama bengkel ini adalah untuk mengenal pasti proses kerja dan dokumentasi yang perlu disediakan dalam pelaksanaan MS ISO.



Urus Setia Dan Peserta Bengkel Persediaan Pensijilan MS ISO 9001:2015 Bergambar Bersama Pengarah BPAD

Kompetensi Pegawai BPAD

BPAD telah melaksanakan latihan berterusan bagi meningkatkan kompetensi pegawai BPAD. Antara latihan yang telah diadakan termasuk kemahiran *analytical and critical thinking, data mining and analytic*, pengetahuan umum IT dan kemahiran komunikasi. Antara kursus yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

1. Bengkel Penulisan Laporan Audit 2020

Seksyen Pengauditan Khas (SPK), BPAD telah mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Penulisan Laporan Audit pada 18 dan 19 Februari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Sekretariat, Ibu Pejabat JANM.

Bengkel ini disampaikan oleh pegawai dari Akademi Audit Negara dengan kehadiran seramai 60 orang pegawai BPAD. Objektif bengkel ini dijalankan adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kemahiran dalam menulis laporan pengauditan agar dapat meningkatkan kualiti laporan yang dikeluarkan.
- Mengenal pasti kesalahan utama yang boleh menjejaskan penulisan laporan pengauditan dengan elemen laras bahasa yang sewajarnya.
- Memberi pendedahan kepada standard dan peraturan yang berkaitan seperti *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing*.

2. Kursus Memperkasakan Kemahiran Microsoft Excel Pertengahan/Lanjutan)

BPAD telah menganjurkan Kursus Memperkasakan Kemahiran Microsoft Excel 2020 (Pertengahan/Lanjutan) melibatkan dua (2) siri iaitu Siri 1 pada 18 dan 19 Ogos 2020 dan Siri 2 pada 26 dan 27 Ogos 2020 bertempat di Makmal Komputer Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), JANM.

Kursus ini sangat signifikan kepada pegawai BPAD bagi mendapatkan pengetahuan dalam kemahiran menganalisa data menggunakan Microsoft Excel. Pengetahuan dan kemahiran ini dapat memastikan pelaporan penemuan ketidakpatuhan yang tepat dan laporan pengauditan yang dihasilkan lebih efisien dan efektif seterusnya dapat memberi impak kepada Jabatan.

UNIT INTEGRITI

UI

UI telah ditubuhkan pada awal tahun 2016 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 dengan tujuan bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta menyepadukan semua pengurusan yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus. UI bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu:

1. Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
2. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
3. Pengesanan dan pengesahan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan.
4. Pengurusan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan.
5. Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
6. Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Program/Aktiviti Unit Integriti

UI telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2020. Antara program/aktiviti yang telah dilaksanakan adalah mengurus setia Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JANM, menganjurkan Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JANM dan membuat hebahan integriti kepada warga JANM.

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Keperluan mengadakan Mesyuarat JAR adalah berdasarkan kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018: Pemantapan Governans, Integriti Dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan yang berkuat kuasa pada 5 Oktober 2018.

UI merupakan urus setia kepada Mesyuarat JAR. Mesyuarat JAR JANM bagi tahun 2020 telah diadakan pada tarikh berikut:

Perkara	Tarikh
Mesyuarat JAR JANM Bil. 1/2020	22 Mei 2020
Mesyuarat JAR JANM Bil. 2/2020	22 Dis 2020

Jadual 1 : Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) JANM Bagi Tahun 2020

Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JANM

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah merupakan satu dokumen antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Pembangunan OACP merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah “Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam” di dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Sehubungan itu, setiap kementerian, jabatan, agensi dan kerajaan negeri hendaklah membangunkan OACP di peringkat organisasi masing-masing. Ruang lingkup pelaksanaan OACP hendaklah merangkumi aspek governans, integriti

dan antirasuah dalam organisasi serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.

UI selaku Sekretariat Pembangunan OACP JANM telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JANM dengan mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan daripada Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Jawatankuasa Kerja Pembangunan OACP telah ditubuhkan bagi membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi yang komprehensif untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi jabatan yang mencakupi enam (6) bidang yang cenderung kepada rasuah seperti pentadbiran sektor awam, tadbir urus politik, tadbir urus korporat, perolehan awam, perundangan & kehakiman serta penguatkuasaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan dianggotai oleh:

- a. Ahli Jawatankuasa Induk – terdiri daripada semua Ketua Jabatan dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di setiap Bahagian dan wakil JANM Negeri yang bertanggungjawab sepenuhnya di dalam pelaksanaan pembangunan Pelan OACP dengan menghadiri kesemua siri bengkel yang telah ditetapkan.
- b. Ahli Jawatankuasa Kerja – terdiri daripada beberapa orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) serta Kumpulan Pelaksana yang telah lama berkhidmat dan berpengalaman di peringkat Bahagian untuk dilibatkan di dalam Siri 2: Perancangan Senario bagi menyumbangkan idea.

Bengkel ini telah dilaksanakan secara bersiri seperti jadual berikut:

Tajuk	Tarikh	Tempat	Peserta
Taklimat: Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JANM	24 Feb 2020	Bilik Jamuan 1, Ibu Pejabat JANM	20 orang Ahli Jawatankuasa Induk yang telah dilantik
Siri 1: Analisa Data	24 Jun 2020	Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat JANM	17 orang Ahli Jawatankuasa Induk yang telah dilantik
Siri 2: Perancangan Senario	12 – 14 Jul 2020	Hotel Armada, Petaling Jaya	32 orang Ahli Jawatankuasa Induk dan Ahli Jawatankuasa Kerja yang telah dilantik
Siri 3: Pemurnian	11 – 12 Ogos 2020	Bilik Jamuan 1, Ibu Pejabat JANM	17 orang Ahli Jawatankuasa Induk yang telah dilantik

Jadual 2 : Siri Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JANM

Di samping itu, peserta bengkel dapat berkongsi dan mengenal pasti kelemahan governans di Jabatan yang menjadi punca kepada permasalahan rasuah di Jabatan serta dapat berkongsi idea di dalam merangka inisiatif yang selari dengan keperluan Jabatan untuk menangani rasuah.



Taklimat Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JANM



Siri 1 : Analisa Data



Siri 2 : Perancangan Senario



Siri 3 : Pemurnian

Hebahan Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2020

Bagi meningkatkan kesedaran warga JANM terhadap peraturan-peraturan pegawai awam yang berkuat kuasa, UI telah membuat hebahan integriti secara bulanan yang dihantar melalui e-mel kepada warga JANM.

Pengurusan Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Bagi tahun 2020, Lembaga Tatatertib JANM dan UI selaku Urus Setia Lembaga Tatatertib JANM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan pelbagai kes pelanggaran tatakelakuan seperti yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Maklumat statistik kes tatatertib JANM bagi tahun 2020 adalah seperti jadual berikut:

Bil	Jenis Kes/Prosedur Tatatertib	Bil. Kes Yang Diterima	Bil. Kes Selesai Tahun 2020	Bil. Kes Dibawa Ke Tahun 2021
1	Tidak Hadir Bertugas	1	0	1
2	Am	1	0	1
3	Jenayah	2	0	2

Jadual 3 : Statistik Kes Tatatertib Di JANM Bagi Tahun 2020

UNIT UNDANG-UNDANG UU

Unit Undang-undang bertanggungjawab untuk melaksanakan beberapa fungsi di JANM iaitu:

1. Memberi nasihat perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negara dengan mengambil kira dasar Kerajaan dan kepentingan awam.
2. Menyemak dan menggubal semua undang-undang, peraturan, kaedah dan dokumen perundangan lain yang melibatkan JANM.
3. Menggubal dan menyemak dokumen perjanjian dan kontrak.
4. Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

Sepanjang tahun 2020, Unit Undang-undang telah terlibat dengan beberapa aktiviti/program yang dilaksanakan seperti berikut:

Bil	Aktiviti	Tarikh
1	Menjadi urus setia Bengkel Pelan Antirasuah Organisasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (OACP JANM).	Sesi 1 : 24 Feb 2020 Sesi 2 : 12 – 14 Jul 2020 Sesi 3 : 11 – 12 Ogos 2020
2	Menjadi peserta Bengkel Berhubung Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 anjuran Bahagian Undang-undang, Kementerian Kewangan.	10 Jul 2020
3	Menjadi peserta Mesyuarat Cadangan Pindaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 Jabatan Akauntan Negara Malaysia.	20 – 22 Sept 2020

Jadual 4 : Aktiviti Yang Melibatkan Unit Undang-undang



Bengkel Berhubung Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 Anjuran Bahagian Undang-undang, Kementerian Kewangan

The background of the entire page is a photograph of a modern, multi-story building with a grid-like facade. A semi-transparent purple overlay covers the entire image. The building has several windows and a flag is visible on the left side. The text is overlaid on the right side of the image.

LAPORAN AKTIVITI

PENGURUSAN KORPORAT

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN

BPPP

Pelan Strategik Business (*Business Strategic Plan*) (BSP) Dan Pelan Strategik ICT (*ICT Strategic Plan*) (ISP) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) 2019 – 2023

Pelan Strategik JANM telah dilancarkan pada 2 Julai 2019 oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, mantan Akauntan Negara Malaysia. Pelan ini mempunyai empat (4) Teras Strategik di bawah BSP dan lima (5) Teras Strategik di bawah ISP.



Rajah 6 : Teras Strategik BSP Dan ISP JANM 2019 – 2023

Pelan ini telah merangka 43 projek di bawah Pelan Strategik *Business* dan 65 projek di bawah Pelan Strategik ICT untuk dilaksanakan sehingga tahun 2023. Bahagian-bahagian telah diberikan tanggungjawab sebagai *Program Coordinator*, *Lead Owner* dan *Co-owner* bagi setiap projek. Bagi tahun 2020, semua *Lead Owner* telah mula melaksanakan inisiatif/projek seperti yang telah dirancang.

Sesi Taklimat (Road Show) Pelan Strategik JANM 2019 – 2023

Sesi taklimat di Zon Tengah, Selatan, Sarawak dan Timur telah diadakan pada tahun 2019. Justeru, bagi Tahun 2020, sesi taklimat Pelan Strategik JANM 2019 – 2023 telah diadakan di dua (2) lagi zon iaitu Zon Utara dan Zon Sabah. Sebanyak tiga (3) sesi telah diadakan seperti berikut:

Bil	Zon	Negeri/Cawangan Terlibat	Lokasi Sesi Taklimat	Tarikh
1	Utara	Perlis, Kedah dan Pulau Pinang	Kedah	17 Feb 2020
2	Sabah	Tawau, Sandakan	Tawau	20 Feb 2020
		Kota Kinabalu, Labuan, Keningau	Kota Kinabalu	21 Feb 2020

Jadual 5 : Sesi Taklimat Pelan Strategik JANM 2019 – 2023



Ucapan Aluan Oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa , Akauntan Negara Malaysia Semasa Sesi Taklimat Zon Sabah



Ucapan Aluan Oleh YBrs. Encik Sadikin Bin Aton, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) Semasa Sesi Taklimat Zon Utara



Sesi Taklimat BSP Oleh Encik Zainuddin Bin Manaf, Timbalan Pengarah SPPS, BPPP Di Zon Sabah



Antara Warga Yang Hadir Ke Sesi Taklimat Pelan Strategik JANM Di Zon Utara

Majlis Kemas Kini Pencapaian Pelan Strategik JANM

Majlis Kemas Kini Pencapaian Pelan Strategik JANM telah diadakan pada 28 Oktober 2020 dan dirasmikan oleh Akauntan Negara Malaysia, YBhg. Datuk Dr Yacob bin Mustafa. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengemas kini status pencapaian projek BSP dan ISP JANM sehingga 30 September 2020. Ia juga bagi menguar-uarkan prestasi pencapaian BSP dan ISP kepada semua warga.

Semua Bahagian *Lead Owner* telah diberikan penghormatan untuk mengemas kini status pencapaian projek masing masing di lobi Ibu Pejabat JANM.



Sesi Kemaskini Pencapaian BSP dan ISP Oleh Pengarah Bahagian




Pengurusan Tertinggi Bersama Pengarah Bahagian

Pencapaian Pelan Strategik JANM 2019 – 2023

Pelan Strategik Business


Peratus pencapaian Pelan Strategik *Business* sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:



Rajah 7 : Peratus Pencapaian Pelan Strategik *Business* Sehingga 31 Disember 2020

Pelan Strategik ICT

Peratus pencapaian Pelan Strategik ICT sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:



Rajah 8 : Peratus Pencapaian Pelan Strategik ICT Sehingga 31 Disember 2020

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Jawatankuasa EKSA JANM

Mesyuarat Jawatankuasa EKSA JANM telah berjaya dilaksanakan sebanyak dua (2) kali. Tujuan pelaksanaan mesyuarat ini adalah untuk merancang aktiviti EKSA di JANM dan menyelaraskan isu berkaitan pelaksanaan EKSA di JANM. Antara aktiviti EKSA yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

1. Kempen Kesedaran EKSA JANM
2. Kursus Kesedaran Membudayakan EKSA Kepada Warga JANM
3. Penyediaan Garis Panduan Penyeragaman Etika JANM
4. Penyediaan Garis Panduan Penyeragaman Blogspot EKSA JANM dan
5. Pengauditan Dalaman Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JANM Siri 1 Tahun 2020

Kempen Kesedaran EKSA JANM

Pada tahun 2020, Jawatankuasa Promosi EKSA JANM telah berjaya melaksanakan beberapa siri aktiviti Kempen Kesedaran EKSA. Antaranya adalah melalui tayangan video pendek berkaitan EKSA kepada warga JANM. Video tersebut telah ditayangkan sebanyak lima (5) kali sebelum dan selepas Majlis Perhimpunan Bulanan JANM. Selain itu, Jawatankuasa Promosi EKSA JANM juga telah melaksanakan aktiviti kempen kesedaran EKSA melalui e-mel yang dihantar secara berkala kepada semua warga JANM sepanjang tahun 2020.



Rajah 9 : Poster Kempen Faedah EKSA

Kursus Kesedaran Membudayakan EKSA Kepada Warga JANM

Pada 20 Februari 2020, Jawatankuasa Latihan EKSA JANM telah mengadakan Kursus Kesedaran Membudayakan EKSA di Dewan Serbaguna, JANM. Kursus ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga mengenai keperluan membudayakan amalan EKSA di pejabat dan memberi pendedahan dan penerangan yang jitu dari sudut panduan, kriteria dan amalan baik EKSA. Kursus ini telah disertai oleh 90 orang peserta dari JANM Ibu Pejabat dan ceramah telah disampaikan oleh Puan Roszita binti Shamsuddin, Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti selaku Fasilitator EKSA JANM.

Garis Panduan Penyeragaman Fasa 2 EKSA JANM

Jawatankuasa Penyeragaman EKSA JANM telah berjaya menerbitkan dua (2) garis panduan EKSA untuk rujukan semua warga JANM dalam pelaksanaan EKSA di zon masing-masing. Pewujudan garis panduan ini adalah bertujuan untuk memastikan aktiviti-aktiviti EKSA di JANM dilaksanakan secara seragam dan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa EKSA JANM selari dengan kehendak MAMPU. Garis panduan Fasa 2 yang telah berjaya diterbitkan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

1. Garis Panduan Penyeragaman Etika

Garis panduan ini memberi penekanan kepada etika dan peraturan ketika menggunakan peralatan dan ruang guna sama di setiap Zon. Garis panduan ini telah dimuat naik ke Portal Rasmi JANM untuk memudahkan rujukan semua warga JANM.

2. Garis Panduan Penyeragaman *Blogspot* EKSA JANM

Garis panduan ini memberi penekanan kepada paparan maklumat berkaitan EKSA di setiap Zon yang boleh dipaparkan di *Blogspot* EKSA Zon. Hal ini untuk mengelakkan kebocoran maklumat berkaitan Jabatan kepada orang awam sekaligus mengelakkan maklumat tersebut dimanipulasi untuk tujuan lain. Garis panduan ini telah dimuat naik ke Portal Rasmi JANM untuk memudahkan rujukan semua warga JANM.

Pengauditan Dalaman Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JANM Siri 1 Tahun 2020

Pada 8 dan 9 September 2020, Jawatankuasa Audit Dalaman EKSA JANM telah selesai melaksanakan pengauditan dalaman EKSA JANM Siri 1 Tahun 2020. Pelaksanaan pengauditan dalaman EKSA JANM ini telah melibatkan seramai 21 orang juruaudit yang telah dilantik daripada setiap Bahagian. Hasil daripada siri pengauditan tersebut, JANM Ibu Pejabat telah berjaya memperolehi markah keseluruhan sebanyak 81.10% (Baik).

Pertandingan Mencipta Lirik Lagu Jabatan

Pertandingan Mencipta Lirik Lagu Jabatan telah diadakan pada 1 hingga 30 Jun 2020. Pertandingan ini dianjurkan sebagai sokongan kepada aktiviti *rebranding* JANM. Kriteria Penilaian Pertandingan ditetapkan berdasarkan kriteria berikut:

1. Keaslian Lirik
2. Konsep dan Format
3. Kreativiti
4. Nilai Komersial

Pertandingan ini telah diadili oleh panel juri dari RTM, ASWARA dan Fasha Entertainment. Encik Muhammad Yusri bin Abd Majid dari BPPP telah memenangi pertandingan ini dengan lirik lagu bertajuk 'Profesionalisme Unggul'.

Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Pertandingan ini diadakan pada setiap tahun bertujuan untuk membudayakan dan menyemarakkan bakat penulisan kreatif berkaitan inovasi dan integriti di kalangan warga JANM. Pertandingan telah diadakan bermula pada 4 Jun hingga 4 September 2020. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Negeri/Cawangan	Tajuk Artikel
Pertama	Encik Ahmad Muhyiddin bin Hashim	BA MOF	Inovasi dan Integriti Teras Kemajuan Malaysia Madani
Kedua	Puan Gloria Angela James Noah	BPOPP	Kreatif dan Inovatifkah Saya
Ketiga	Encik Muhammad Faris bin Abd Rasid	BPTM	Inovasi dan Integriti Corak Transformasi Masa Depan Negara Maju

Jadual 7 : Senarai Pemenang Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Artikel-artikel pemenang ini telah dimuat naik ke Portal *Knowledge Management* JANM untuk perkongsian dengan semua warga.

Sesi Perkongsian Teknik Menulis Artikel

Sesi Perkongsian Teknik Menulis Artikel telah diadakan pada 27 Julai 2020 secara dalam talian. Seramai 48 peserta dari wakil Bahagian JANM telah hadir ke sesi ini. Penceramah jemputan adalah Puan Sofia binti Sofee yang merupakan pemenang Pertandingan Menulis Artikel Inovasi dan Integriti Tahun 2019. Tujuan perkongsian ini diadakan adalah untuk mengasah dan mempertingkatkan kemahiran penulisan kreatif warga JANM serta menterjemah dan mendokumentasi idea-idea inovasi dalam bentuk penulisan.

Pertandingan Keceriaan Tangga

Pertandingan Keceriaan Tangga diadakan bertujuan untuk menceriakan ruang tangga di Ibu Pejabat yang secara tidak langsung diharap dapat meningkatkan penggunaan ruang tangga di kalangan warga JANM. Pertandingan ini diadakan bermula pada 21 Julai hingga 24 September 2020 dengan penyertaan dari sembilan (9) Bahagian Ibu Pejabat dan tiga (3) Persatuan. Kriteria Penilaian Pertandingan ditetapkan seperti berikut:

1. Persembahan
2. Hiasan
3. Persekitaran

Kedudukan	Bahagian
Pertama	BPPP
Kedua	BA MOF
Ketiga	BPOPA

Jadual 8 : Senarai Pemenang Pertandingan Keceriaan Tangga



Antara Peserta Yang Terlibat Dalam Pertandingan Keceriaan Tangga

Pertandingan Mencipta Poster Infografik SPECIAL

Bagi menyemarakkan dan membudayakan Nilai Bersama JANM SPECIAL di kalangan warga, pertandingan mencipta poster infografik SPECIAL telah dianjurkan. Infografik ini seterusnya akan dijadikan sebagai salah satu bahan promosi pembudayaan SPECIAL. Pertandingan ini telah diadakan bermula dari 24 Julai hingga 14 Ogos 2020.



Poster Tempat Pertama Oleh Puan Nurul Aida Binti Mohamed Amin
Dari JANM Pulau Pinang



Poster Tempat Kedua Oleh Encik Amirul Hakim Bin Adlin Dari BPPP



Poster Tempat Ketiga Oleh Encik Mohd Firdhous Bin Suparnon Dari JANM Sri Aman

New Normal JANM Virtual Run 2020

New Normal JANM Virtual Run 2020 telah diadakan pada 21 Ogos hingga 21 September 2020. Larian secara maya ini dianjurkan kerana ia lebih fleksibel dan peserta boleh membuat larian pada bila-bila masa mengikut kesesuaian masa peserta dalam jangka masa yang telah ditetapkan oleh penganjur. Pemenang pertandingan ditentukan berdasarkan peratus (%) penyertaan tertinggi dari Bahagian dan JANM Negeri/Cawangan yang telah berjaya menamatkan larian. Senarai pemenang pertandingan ini adalah seperti di Jadual 9.

Kedudukan	JANM Bahagian/Negeri/Cawangan
Pertama	JANM Kapiti
Kedua	JANM Selangor
Ketiga	BPOPP

Jadual 9 : Senarai Pemenang New Normal JANM Virtual Run 2020



Antara Peserta Yang Terlibat Dalam Pertandingan Larian Inovasi

Pertandingan Idea Inovasi

Pertandingan Idea Inovasi diadakan bertujuan untuk mendapatkan idea menarik berkaitan inovasi dari semua warga JANM. Pertandingan ini diadakan pada setiap tahun. Sebanyak 16 penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan. Tempoh pertandingan bermula dari 6 Julai hingga 31 Ogos 2020. Idea inovasi yang dicadangkan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Inovasi JANM untuk dilaksanakan.

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Negeri/Cawangan	Idea Inovasi
Pertama	Encik Chong Chun Yen	JANM Sarawak	e-Aktiviti ROAR!
Kedua	Encik Mohd Nor bin Mohidin	JANM Johor	Buku Log Kenderaan Secara Atas Talian (<i>Online</i>)
Ketiga	Puan Rosliah Sigoh	JANM Sabah	Aplikasi MyPortfolio

Jadual 10 : Senarai Pemenang Pertandingan Idea Inovasi

Ceramah Inovasi

Ceramah inovasi bertajuk 'Pembiayaan Inovasi Modal Teroka' telah diadakan pada 14 September 2020 dan disampaikan oleh Encik Shahril Anas Hasan Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif dari syarikat MAVCAP. Ceramah ini telah dihadiri oleh seramai 100 orang warga Ibu Pejabat JANM dan dipancarkan ke semua JANM Negeri/Cawangan secara *live streaming*.



Encik Shahril Anas Ketika Menyampaikan Ceramah Inovasi



Antara Warga Yang Hadir Ke Ceramah Inovasi

Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Bengkel KIK telah diadakan pada 24 hingga 25 November 2020 secara dalam talian. Jumlah penyertaan adalah seramai 168 orang yang terdiri daripada wakil Bahagian, JANM Negeri dan Cawangan. Penceramah bengkel adalah Encik Ramlee bin Musa, Penolong Kanan Pengarah Kastam II. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan persediaan kepada semua pegawai yang terlibat dengan KIK di Bahagian, JANM Negeri dan Cawangan.

Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan (AAK) JANM Tahun 2019

Majlis AAK JANM Tahun 2019 telah diadakan pada 4 Mac 2020 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia dan dihadiri oleh 360 orang warga JANM dari semua Bahagian, Negeri dan Cawangan.

Majlis ini bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada warga JANM yang menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang pada tahun 2019. Seramai 190 orang pegawai dari semua JANM Bahagian, Negeri dan Cawangan telah menerima anugerah ini. Daripada 190 orang penerima tersebut, 43 orang penerima dari kumpulan Pengurusan & Profesional dan 147 orang penerima dari kumpulan Pelaksana. Para penerima anugerah telah menerima Sijil Simpanan Premium (SSP) berjumlah RM1,000 berserta sijil penghargaan.



Pelancaran Majlis AAK JANM Tahun 2019 Oleh Pengurusan Tertinggi JANM



Penyerahan Sijil AAK JANM Tahun 2019 Yang Disampaikan Oleh Akauntan Negara Malaysia



Barisan Urus Setia Majlis AAK JANM Tahun 2019

Lambaian Persaraan 2020

Majlis Persaraan bagi tahun 2020 tidak dapat dilaksanakan berikutan pandemik Covid-19. Walau bagaimanapun, urus setia telah mengemukakan sijil penghargaan, cenderahati dalam bentuk Sijil Simpanan Premium (SSP) dan surat penghargaan kepada semua pesara melalui pos sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan atas khidmat bakti yang dicurahkan selama berkhidmat untuk kerajaan.

Bilangan pesara pada tahun 2020 adalah seramai 34 orang pegawai dengan mantan Timbalan Akauntan Negara Korporat (TAN K) iaitu YBhg. Dato' Zamimi bin Awang mendahului senarai penerima yang lain. Jadual di bawah adalah mengikut pecahan jenis persaraan, bilangan pesara wajib dan pilihan serta pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan mengikut jantina.

Jenis Persaraan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Wajib	10	12	22
Pilihan	6	3	9
Meninggal Dunia	2	1	3
Dibersarakan atas sebab kesihatan	0	0	0
Jumlah	18	16	34

Rajah 11 : Jenis Persaraan Mengikut Bilangan Jantina


Perjawatan

Perkhidmatan awam merupakan tulang belakang kepada kekuatan sistem pengurusan pentadbiran sesebuah negara. Bagi mencapai matlamat negara dengan lebih komprehensif dan inklusif, penjawat awam perlu berdaya saing dan memiliki kompetensi yang diperlukan bagi memastikan kelestarian matlamat tersebut.

Dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk melaksanakan perakaunan akruan, BPPP yang bertindak sebagai pembekal utama pegawai perakaunan di seluruh negara telah memberikan lebih tumpuan kepada penyaluran pegawai yang kompeten terutamanya bagi penempatan di Bahagian Akaun setiap kementerian. Hal ini bagi memastikan penyediaan Penyata Kewangan setiap kementerian dapat dihasilkan dengan lebih teratur dan berstruktur.

BPPP juga berperanan penting dalam memastikan pembangunan organisasi yang efektif dan padu dengan pengurusan sumber manusia yang optimum selaras dengan dasar semasa kerajaan.

Melalui sumber manusia yang efektif, pengisian bagi perjawatan skim perakaunan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Hal ini dibuktikan melalui peratusan pengisian sebanyak 96.65% iaitu sebanyak 5,507 daripada 5,801 perjawatan di kementerian dan jabatan seluruh Malaysia.



Carta 2 : Pecahan Pengisian Perjawatan Skim Perkhidmatan Perakaunan Di Kementerian Dan Jabatan Pada Tahun 2020

Melalui pengurusan sumber manusia yang sistematik, pengisian perjawatan adalah mencukupi bagi semua gred jawatan. Dengan peratus pengisian yang tinggi, tugas di bidang kewangan dan perakaunan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun.

Pemangkuan

Urusan pemangkuan adalah merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan sumber manusia. Ini merupakan suatu inisiatif dalam bentuk kemajuan kerjaya kepada pegawai dan juga satu dorongan dalam peningkatan prestasi kerja pegawai. Pelaksanaan urusan pemangkuan skim perkhidmatan perakaunan dilaksanakan setiap tahun bagi mengisi kekosongan jawatan sedia ada dan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010.

Dalam masa yang sama juga, urusan pemangkuan melalui keahlian penuh Badan Ikhtisas turut dilaksanakan. Pegawai yang memiliki Sijil Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf kerajaan adalah layak diberikan pemangkuan ke satu gred lebih tinggi secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Perincian maklumat adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 11.

Kumpulan Perkhidmatan	Gred	Bilangan Pegawai	
		Pemangkuan Hakiki	Pemangkuan KUP
Pengurusan Tertinggi	TURUS III	1	-
	JUSA A	-	-
	JUSA B	1	-
	JUSA C	2	1
Pengurusan Dan Profesional	WA54	11	4
	WA52	16	25
	WA48	18	49
	WA44	34	8
Pelaksana	W40	2	-
	W36	8	5
	W32	18	3
	W28	1	-
	W26	1	2
	W22	6	2
Jumlah		119	99

Jadual 11 : Bilangan Pegawai Yang Diberikan Pemangkuan Sepanjang Tahun 2020

Lapor Diri Pegawai Lantikan Baharu

Sepanjang tahun 2020, lantikan baharu bagi Akauntan Gred WA41 adalah seramai 12 orang. Jumlah ini adalah bilangan calon simpanan yang masih terpakai untuk dilantik. Majlis Lapor Diri pegawai lantikan baharu hanya dilaksanakan sebanyak dua (2) kali sahaja iaitu pada bulan Februari dan Julai 2020.

Manakala tiada lantikan baharu bagi jawatan Penolong Akauntan Gred W29 dan Pembantu Akauntan Gred W19 disebabkan oleh lebihan Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) berikutan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016.

Kriteria Kecemerlangan (KC)

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2018 telah menetapkan bahawa kedua-dua laluan kenaikan pangkat skim akauntan iaitu Dengan Kekosongan dan Tanpa Kekosongan perlu melepasi KC terlebih dahulu. KC Dengan Kekosongan telah diadakan buat julung kalinya pada tahun 2019, manakala KC Tanpa Kekosongan memulakan langkah pertamanya pada tahun 2020. Gred yang terlibat adalah bagi pegawai yang telah diberikan pemangkuan ke gred WA52 (KUP) pada tahun 2018 dan 2019. Dalam hal ini, jumlah pegawai yang terlibat adalah seramai 26 orang. Pecahan pegawai yang terlibat adalah seperti di Jadual 12.

Salah satu elemen tunggal dalam pelaksanaan KC adalah kewajiban menghadiri *Training Roadmap* (TRM). Bagi gred WA52, telah diputuskan oleh barisan Panel Penilai untuk pegawai menghadiri dua (2) kursus wajib iaitu Kursus Teras bertajuk *The Art of Profesional Judgement for Financial Reporting* dan Kursus Bukan Teras bertajuk 'Kepimpinan dan Pemikiran Strategik'. Kedua-dua kursus ini telah dilaksanakan pada bulan Oktober dan November 2020 atas pengendalian cemerlang Institut Perakaunan Negara (IPN).

KC Tanpa Kekosongan ini juga telah menetapkan supaya calon menyediakan Kertas Tugas Individu (KTI). KTI membawa markah keseluruhan sebanyak 20%, manakala selebihnya disumbangkan oleh Penilaian Ketua Jabatan (PTP) sebanyak 10%, Program Penilaian Kompetensi (PPK) sebanyak 50% dan Temu Duga sebanyak 20%.

Penugasan penyediaan KTI telah dilaksanakan bermula pada 20 November 2020. Pegawai diberi masa sehingga 20 Januari 2021 untuk menyelesaikan tugas ini.

Komposisi	Bilangan
Pemangkuan Pada Tahun 2018	14
Pemangkuan Pada Tahun 2019	12
Jumlah	26

Jadual 12 : Pecahan Akauntan WA52 (KUP) Yang Dipanggil Untuk Menghadiri KC Tanpa Kekosongan



Kursus Dan Seminar

Kursus Bulanan

Kursus bulanan adalah inisiatif BPPP di bawah kelolaan Unit Pembangunan Kerjaya dan Kompetensi (UPKK) bagi melengkapkan warga JANM dengan kursus tujuh (7) hari setahun melalui penawaran kursus *soft skills* serta kursus yang relevan dengan situasi semasa. Kursus ini juga terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Perakaunan yang bertugas di lain-lain kementerian dan jabatan sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Ekoran daripada wabak Covid-19 yang sedang melanda dunia, UPKK hanya berjaya melaksanakan empat (4) siri kursus bulanan pada tahun 2020 berbanding enam (6) kursus yang telah dirancang. Kesemua kursus tersebut telah diadakan di Dewan Serbaguna, JANM dan melibatkan seramai 782 orang peserta.

Kursus Siri 1 Tahun 2020 yang bertajuk 'Work Life Balance' pada 16 Januari 2020 telah diadakan bersekalikan dengan Majlis Pelancaran Kursus Bulanan Tahun 2020 yang telah dirasmikan oleh Akauntan Negara Malaysia.

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Bilangan Peserta
1	<i>Work Life Balance</i>	16 Jan 2020	224
2	<i>Microsoft Excel – Report Simplified</i>	20 – 21 Jul 2020	17
3	Selamatkan Duit Anda	19 Ogos 2020	302
4	<i>Laughter Theraphy</i>	17 Sep 2020	239

Jadual 13 : Kursus Bulanan Yang Telah Diadakan Sepanjang Tahun 2020



Kursus *Laughter Theraphy*

Kursus, Lawatan Dan Persidangan Di Luar Negara

Pada tahun 2020 tiada kursus, lawatan dan persidangan di luar negara yang dihadiri memandangkan pandemik Covid-19 yang menyekat perjalanan ke luar negara. Namun begitu satu (1) kursus dapat dilaksanakan seperti berikut:

Bil	Bahagian	Kursus	Tarikh
1	BPOPA	Kajian Mengenai Pelaksanaan Sistem Pelaksanaan Terimaan Secara Elektronik Bersepadu	23 – 26 Feb 2020
2	BPTM		
3	BKP		

Jadual 14 : Kursus Yang Diadakan Pada Tahun 2020

Kursus Swasta Dalam Negeri

Kursus swasta dalam negeri merupakan salah satu medium bagi memantapkan kompetensi pegawai JANM dengan menghadiri kursus yang dianjurkan oleh pihak swasta. Kursus-kursus yang dihadiri adalah untuk meningkatkan profesionalisme pegawai dengan menambah pengetahuan bagi membantu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pegawai.

Bil	Bahagian	Kursus	Tarikh	Tempat
1	PPPA	Kursus <i>Practical Approach To Accounting For Financial Instrument - Applying MFRS 9 & 132</i>	3 – 4 Feb 2020	Hotel Concorde, Kuala Lumpur
2	BPPP IPN	KM for Beginners	20 Feb 2020	Dua Sentral Suites, Kuala Lumpur
3	BPPP	Perangi Salah Laku Integriti Penjawat Awam Tatacara dan Kawalan Dalam	26 – 27 Feb 2020	Hotel Novotel, Melaka
4	JANM Pulau Pinang	MIA for AccTech	26 Mac 2020	Jen Hotel, Pulau Pinang
5	IPN	MU DOT MY PLT	13 – 17 Jul 2020	Regalia Business Park
6	BPPP	Tatacara Pengurusan Siasatan Dalam dan Teknik Penyiasatan bagi Kes Tatatertib Perkhidmatan Awam	27 – 28 Jul 2020	Hotel The Pines, Melaka
7	BPAD	<i>Building Impactful Presentation Slide with Powerpoint</i>	27 – 28 Jul 2020	Amcorp Mall
8	BPAD	<i>Microsoft Access Foundation – Advance Level</i>	27 – 30 Jul 2020	Amcorp Mall
9	BPAD	<i>Public Sector Internal Audit Conference 2020</i>	13 – 14 Ogos 2020	Webinar
10	BA MOF BPAD	Kursus <i>Data Visualisation for Reporting using Microsoft Excel Dashboard</i>	23 – 24 Sep 2020	Pullman Kuala Lumpur
11	IPN BPOPP BPAD BPPP PPPA	CPA Virtual Congress 2020	10 – 12 Nov 2020	Kursus Online
12	BPAD	<i>International Financial Reporting Standards (IFRS) Kit</i>	1 Tahun Pembelajaran	Kursus Online

Jadual 15 : Kursus Swasta Dalam Negeri Yang Diikuti Sepanjang Tahun 2020

Pelan Latihan Operasi (*Training Roadmap*)

Seiring dengan objektif jabatan, Pelan Latihan Operasi (*Training Roadmap*) dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi pegawai perakaunan. Ia adalah sebagai platform penting ke arah peningkatan kemajuan kerjaya warga perakaunan. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 27 kursus melibatkan penyertaan seramai 1,333 orang pegawai terdiri daripada Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan telah dilaksanakan secara bersemuka dan secara maya seperti berikut:


Kumpulan	Siri	Kehadiran
Akauntan	5	106
Penolong Akauntan	14	1,129
Pembantu Akauntan	5	98

Jadual 16 : Kursus Pelan Latihan Operasi Yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2020

Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)


Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) HRMIS JANM

KPI HRMIS telah mula dilaksanakan pada tahun 2009 ke atas Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS yang dinilai adalah berdasarkan Kamus KPI yang diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS anjuran JPA. Manakala penarafan bintang pula adalah bergantung kepada jumlah pemarkahan keseluruhan setelah mengambil kira peratus pencapaian dan markah wajaran penilaian yang ditetapkan. Berikut adalah ringkasan gambar rajah bagi menerangkan penetapan bilangan kriteria dan tahun penilaian.



Rajah 12 : Bilangan Kriteria Penilaian Elemen KPI HRMIS Dan Tahun Penilaian

Bagi tahun 2019, JANM telah berjaya mengekalkan pencapaian KPI HRMIS 100% untuk kali keempat. Trend pencapaian HRMIS di JANM bagi tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:



Carta 3 : Trend Pencapaian KPI Pelaksanaan HRMIS Di JANM
Mulai Tahun 2017 Hingga 2019

Pelaksanaan Permohonan Pertukaran Melalui HRMIS Bagi Pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan JANM



Usaha penambahbaikan pengurusan permohonan pertukaran pegawai-pegawai kader Skim Perkhidmatan Perakaunan JANM dari manual ke online telah dimulakan pada tahun 2019. Sejalan dengan itu, beberapa siri taklimat dan kursus telah diadakan kepada pegawai-pegawai pelaksana khususnya pegawai-pegawai kader JANM, pegawai sumber manusia dan pentadbir HRMIS di jabatan/kementerian. Pelaksanaan permohonan pertukaran secara online membolehkan proses permohonan pertukaran dilaksanakan dengan lebih kemas dan teratur.

Mulai 1 Januari 2020, pelaksanaan permohonan pertukaran melalui sub modul permohonan pertukaran dalam aplikasi HRMIS bagi pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan JANM telah berkuat kuasa. Fasa pelaksanaan ini dikecualikan kepada pegawai-pegawai kader perakaunan di PDRM dan ATM kerana perbezaan *platform server* HRMIS yang dicapai. Pegawai-pegawai daripada kumpulan ini menggunakan borang pertukaran JANM cetakan secara *online* melalui aplikasi ePerkhidmatan di bawah kelolaan BPPP.

Prestasi Kewangan

Prestasi Perbelanjaan Mengurus (B10)

Pada tahun 2020, JANM telah diperuntukkan sebanyak RM278.06 juta bagi Program Perkhidmatan Perakaunan berbanding RM473.06 juta pada tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak RM195 juta atau 41.22%. Antara punca penurunan adalah disebabkan oleh peruntukan Sistem iGFMS 2.0 kepada BPTM sebanyak RM101.50 juta telah dikelaskan semula kepada peruntukan pembangunan pada pertengahan tahun 2020. Pecahan peruntukan JANM bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti di Jadual 17.


Peruntukan	Tahun 2019 (RM Juta)	Tahun 2020 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
Emolumen	133.19	137.32	4.13
Bekalan dan Perkhidmatan	158.85	134.87	(23.98)
Aset	180.82	5.67	(175.15)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	0.19	0.20	0.01
Jumlah Keseluruhan	473.06	278.06	(195.00)

Jadual 17 : Pecahan Peruntukan Mengurus JANM Tahun 2019 Dan 2020

Trend peruntukan serta perbelanjaan Program Perkhidmatan Perakaunan bagi tiga (3) tahun berturut-turut adalah seperti di Jadual 18 dan Carta 4.

Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan	Tahun 2018	Tahun 2019	Tahun 2020
Peruntukan (RM Juta)	356.00	473.06	278.06
Perbelanjaan (RM Juta)	335.51	468.64	266.05
Prestasi Perbelanjaan (%)	94.24	99.06	95.68


Jadual 18 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Peruntukan Mengurus JANM



Carta 4 : Trend Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus JANM

Selain daripada Program Perkhidmatan Perakaunan, JANM juga menerima peruntukan bagi Program Khusus iaitu Bertugas ke Luar Negara sebanyak RM0.50 juta dan Emolumen Kakitangan Kontrak sebanyak RM3.39 juta. Walau bagaimanapun, disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda dunia dan menutup pintu masuk dan keluar negara, peruntukan Bertugas ke Luar Negara ini telah dikembalikan kepada kementerian sebanyak RM0.49 juta.

Jumlah keseluruhan peruntukan kepada JANM bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM281.46 juta dengan pecahan peruntukan mengikut program adalah seperti Carta 5.




Carta 5 : Pecahan Aghian Peruntukan Mengurus JANM Tahun 2020

Sehingga bulan berakhir 31 Disember 2020, JANM telah membelanjakan sebanyak 95.68% berbanding sasaran awal 95% tetapi kurang daripada sasaran nasional iaitu 98%. Prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2020 mengikut program adalah seperti Jadual 19.

Butiran	Aktiviti	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
Program Perkhidmatan Perakaunan				
050100	Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan	45,823,900	38,713,738.35	84.48
050200	Pengurusan Wang Tak Dituntut	12,981,200	12,430,585	95.76
050300	Pengurusan Teknologi Maklumat	80,662,800	79,571,177	98.65
050400	Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan	86,000,000	84,676,494	98.46
050500	Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi	6,773,000	6,480,897	96.59
050600	Pengurusan Audit Dalam	10,300,000	9,458,589	91.83
050700	Khidmat Perunding	16,518,100	16,391,846	99.24
050800	Pengurusan Perakaunan Kementerian Kewangan	4,650,000	4,196,021	90.24
050800	Institut Perakaunan Negara	14,350,000	14,145,854	98.58
Jumlah Kecil		278,059,000	266,065,184	95.69
Program Khusus				
060100	Bertugas Luar Negara	9,505	9,505	100.00
060200	Emolumen Kakitangan Kontrak	3,396,100	3,308,506	97.42
Jumlah Kecil		3,405,605	3,318,011	97.43
Jumlah Keseluruhan		281,464,605	269,371,543	95.70

Jadual 19 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus JANM Tahun 2020

Perbandingan peruntukan berbanding perbelanjaan bagi program JANM tahun 2020 adalah seperti Carta 6.




Carta 6 : Perbandingan Peruntukan Berbanding Perbelanjaan Bagi Program/Aktiviti JANM Tahun 2020

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan (P10)

Bagi tahun 2020, Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia Ke-11 (RP4 RMKe-11), JANM telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM75.08 juta bagi tiga (3) projek sambungan dan satu (1) projek yang dikelaskan semula daripada peruntukan mengurus kepada peruntukan pembangunan pada pertengahan tahun 2020. Trend peruntukan dan perbelanjaan bagi RMKe-11 adalah seperti Jadual 20 dan Carta 7.

Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan	Tahun 2016 RP1	Tahun 2017 RP2	Tahun 2018 RP3	Tahun 2019 RP4	Tahun 2020 RP4
Peruntukan (RM Juta)	92.33	45.59	20.39	38.61	75.08
Perbelanjaan (RM Juta)	92.33	45.59	20.14	37.93	74.26
Prestasi Perbelanjaan (%)	100	100	98.77	98.24	98.90

Jadual 20 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan JANM Bagi RMKe-11



Carta 7 : Trend Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11

Secara terperinci, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2020 mengikut Butiran Projek adalah seperti Jadual 21.

Butiran Projek / Sub Butiran	Tajuk	Anggaran Tahun 2020 (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
06000 – Pengkomputeran Jabatan Akauntan Negara				
0090001	Projek Perluasan SAGA – iSPEKS	10.31	10.17	98.60
0160001	Perolehan dan Penggantian Server – iSPLN	4.07	3.71	91.16
0200002	OE ke DE – Peningkatan Infrastruktur dan Aplikasi iGFMAS	58.90	58.83	99.88
Jumlah Kecil		73.28	72.71	99.21
07000 – Projek Institut Perakaunan Negara (Baharu)				
0030001	Pembaikan Bangunan dan Kemudahan Infrastruktur STP serta Kemudahan Mekanikal dan Elektrikal di IPN, Sabak Bernam Kesan Mendapan Tanah	1.80	1.55	86.31
Jumlah Keseluruhan		75.08	74.26	98.90


Jadual 21 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Mengikut Butiran Projek Bagi Tahun 2020

Prestasi Pengurusan Perolehan

Perolehan bekalan dan perkhidmatan JANM yang dilaksanakan secara tender, sebut harga dan rundingan harga adalah berdasarkan kepada tatacara perolehan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Perbandingan amaun dan bilangan perolehan bekalan dan perkhidmatan mengikut kaedah perolehan bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti Jadual 22 dan Carta 8 berikut:

Perolehan	Tahun 2019		Tahun 2020	
	Bil.	RM	Bil.	RM
Tender	5	272,670,686	9	54,063,037
Sebut Harga	11	2,166,026	24	2,383,454
Sebut Harga B	13	453,453	14	21,342,802
Jumlah	29	275,290,165	47	77,789,293

Jadual 22 : Nilai Perolehan Mengikut Kaedah Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan




Carta 8 : Bilangan Perolehan Mengikut Kaedah Perolehan Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan


Perbandingan perancangan perolehan dengan pelaksanaan bagi tahun 2020 adalah seperti Jadual 23, Carta 9 dan Carta 10 berikut:

Perolehan	Perancangan		Pelaksanaan	
	Bil.	RM	Bil.	RM
Tender	11	66,766,881	9	54,063,037
Sebut Harga	24	4,657,143	24	2,383,454
Sebut Harga B	12	452,796	13	496,316
Jumlah	47	71,876,820	46	56,942,807

Jadual 23 : Perbandingan Perancangan Perolehan Dengan Pelaksanaan Bagi Tahun 2020



Carta 9 : Bilangan Perancangan Perolehan Berbanding Pelaksanaan Sebenar




Carta 10 : Jumlah Kos Perancangan Perolehan Berbanding Pelaksanaan Sebenar

Kelulusan Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat

Menteri Kewangan telah mewakili kuasa kepada Akauntan Negara Malaysia bagi urusan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016. JANM bertanggungjawab melaksanakan proses temu duga calon untuk diluluskan sebagai Juruaudit dan Penyelesai Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016.

Proses temu duga Juruaudit melibatkan empat (4) modul penilaian dan panel terdiri daripada wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Bank Negara Malaysia (BNM). Bilangan kelulusan baharu Juruaudit Syarikat berbanding permohonan bagi tahun 2018 hingga 2020 adalah seperti di Carta 11.



Carta 11 : Prestasi Temu Duga Kelulusan Baharu Juruaudit Syarikat Di Bawah Seksyen 263(2), Akta Syarikat 2016 Bagi Tahun 2018 Hingga 2020

Manakala prestasi bilangan calon mengikut modul penilaian bagi tahun 2020 adalah seperti Jadual 24.

Bilangan Calon	Modul 1 	Modul 2 	Modul 3 	Modul 4 
Lulus	112	98	93	108
Gagal	39	53	58	43
Jumlah Calon	151	151	151	151

Jadual 24 : Analisis Pencapaian Temu Duga Mengikut Modul Tahun 2020

Keterangan Modul:


-  Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
(Akta Syarikat 2016)
-  Suruhanjaya Sekuriti (SC)
(Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007)

-  Institut Akauntan Malaysia (MIA)
(Akta Akauntan 1967 dan MIA By-Law)
-  Bank Negara Malaysia (BNM)
(Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013)

Bagi kelulusan Penyelesai Syarikat, proses temu duga melibatkan empat (4) modul penilaian dan panel terdiri daripada wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Jabatan Insolvency Malaysia (MDI). Sebanyak dua (2) sesi temu duga telah diadakan pada tahun 2020 dan seramai 12 orang calon telah ditemu duga di mana seramai lapan (8) orang calon telah lulus.

Tempoh sah kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah selama dua (2) tahun sahaja dan permohonan pembaharuan kelulusan perlu dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan terdahulu.

Carta 12 menunjukkan bilangan sijil pembaharuan kelulusan dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.



Carta 12 : Bilangan Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Syarikat Di Bawah Seksyen 263(4), Akta Syarikat 2016 Dan Pembaharuan Kelulusan Penyelesai Syarikat Di Bawah Seksyen 433(4C), Akta Syarikat 2016 Dari Tahun 2018 Hingga 2020

Permohonan kelulusan baharu dan pembaharuan kelulusan sebagai Juruaudit dan Penyelesai Syarikat dilaksanakan oleh JANM secara dalam talian melalui portal *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) yang dibangunkan oleh Unit BLESS, Kementerian Pembangunan Usahawan.

Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam (PPI)

Pembangunan PPI telah memasuki tahun kelima pada tahun 2020. Tahun 2020 telah melakar sejarah apabila piawaian bagi Fasa 1 iaitu PPIBZW – Pembentangan Penyata Kewangan telah diperaku dan diluluskan untuk pemakaian awal pada 16 Julai 2020. Pelaksanaan aktiviti pembangunan piawaian perakaunan Islam yang merangkumi penyelidikan, penggubalan dan mesyuarat jawatankuasa piawaian perakaunan Islam masih dalam sasaran yang ditetapkan. Pembangunan piawaian ini terkesan dengan berlakunya pandemik Covid-19 yang menyebabkan mesyuarat penggubalan dan penyemakan dijalankan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, ia tidak menyebabkan kualiti penggubalan dan penyemakan piawaian tersebut dikompromi.

Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam Fasa 4

Penyelidikan Fasa 4 dan terakhir telah selesai pada Ogos 2020. Penyelidikan ini memfokuskan kepada sembilan (9) aspek piawaian berkaitan pendedahan lain seperti Penyata Kewangan Disatukan, Pengaturan Bersama, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama serta lain-lain. Penyelidik dari tiga (3) buah universiti telah membentangkan hasil dapatan kajian tersebut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penggubalan pada 25 November 2020.

Penubuhan Jawatankuasa Syariah Piawaian Perakaunan Islam

Pada tahun 2020, Jawatankuasa Syariah Piawaian Perakaunan Islam telah ditubuhkan bagi memastikan piawaian perakaunan Islam yang dibangunkan memenuhi keperluan syariah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YBhg. S.S. Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak. Komposisi jawatankuasa terdiri daripada 11 orang pakar dalam bidang hukum dan perundangan Islam, perakaunan Islam, perakaunan sektor awam, fiqh muamalat, syariah dan muamalat serta syariah dan fiqh. Senarai ahli jawatankuasa yang ditubuhkan adalah seperti di Jadual 9. Mesyuarat ini pertama kali bersidang pada 3 hingga 4 Februari 2020 bagi membincangkan isu syariah yang dibangkitkan dalam draf dedahan PPIBZW – Pembentangan Penyata Kewangan.



Ahli Jawatankuasa Syariah Piawaian Perakaunan Islam Dan Kumpulan Penulisan



Mesyuarat Jawatankuasa Syariah PPI Di Hotel Movenpick KLIA

Bil	Nama Ahli Jawatankuasa	Bidang Kepakaran	Jawatan	Tempat Bertugas
1	YBhg. S.S. Datu Haji Kipli bin Haji Yassin	Hukum dan Perundangan Islam	Pengerusi	Jabatan Mufti Negeri Sarawak
2	YBhg. S.S. Dato' Haji Zulkifly bin Haji Muda		Timbalan Pengerusi	Jabatan Mufti Negeri Terengganu
3	YBhg. S.S. Dato' Dr. Haji Anhar bin Haji Opir		Ahli Tetap	Jabatan Mufti Negeri Selangor
4	YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman	Perakaunan Islam	Ahli Tetap	Universiti Sains Islam Malaysia
5	Encik Muazzam bin Mohamed		Ahli Tetap	Bank Islam Malaysia Berhad
6	Encik Sadikin bin Aton	Perakaunan Sektor Awam	Ahli Tetap	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
7	Encik Jafril bin Junit		Ahli Tetap	
8	YBhg. Prof. Dr. Ashraf bin Md. Hashim	Syariah	Ahli Tetap	Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa
9	Encik Mohd Nazri Chik	Fiqh Muamalat	Ahli Tetap	Bank Islam Malaysia Berhad
10	YBrs. Prof. Madya Dr. Aznan bin Hassan	Syariah dan Mualamat (Akademik)	Ahli Tetap	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
11	YBrs. Dr. Sarip bin Adul	Syariah dan Fiqh (Akademik)	Ahli Tetap	Universiti Malaysia Sabah

Jadual 25 : Senarai Ahli Jawatankuasa Syariah Piawaian Perakaunan Islam

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam Bil. 1/2020

Mesyuarat jawatankuasa ini telah bersidang pada 16 Julai 2020 bagi memperaku dan meluluskan Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) – Pembentangan Penyata Kewangan.



Ahli Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam (JPIs)



Ahli Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam (JPIs), Kumpulan Penulis Dan Sekretariat PPI

Penyemakan Draf Piawaian Perakaunan Islam Bagi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal (PPIBZW) Fasa 2 – Aset

Penyemakan draf piawaian PPIBZW – Aset telah selesai dilaksanakan pada tahun 2020. Sebanyak lapan (8) aspek piawaian berkaitan aset telah disemak melalui tujuh (7) Mesyuarat Kumpulan Kerja yang dilaksanakan secara bersemuka dan atas talian.

Penggubalan Draf Piawaian Perakaunan Islam Bagi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal (PPIBZW) Fasa 3 – Hasil, Belanja Dan Liabiliti

Penulisan draf piawaian Fasa 3 ini melibatkan lima (5) orang penulis sepenuh masa dan mengambil masa selama enam (6) bulan iaitu bermula 15 Februari hingga 14 Ogos 2020. Sebanyak 10 aspek piawaian berkaitan hasil, belanja dan liabiliti telah selesai digubal seperti di Jadual 26.


Bil	Aspek Piawaian	MPSAS Yang Dirujuk
1	Hasil dari Urus Niaga Pertukaran	MPSAS 9
2	Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran	MPSAS 23
3	Kos Pinjaman	MPSAS 5
4	Kontrak Pembinaan	MPSAS 11
5	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka	MPSAS 19
6	Instrumen Kewangan : Pembentangan	MPSAS 28
7	Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan pengukuran	MPSAS 29
8	Instrumen Kewangan : Pendedahan	MPSAS 30
9	Manfaat Pekerja	MPSAS 25
10	Kesan Perubahan Mata Wang Asing	MPSAS 4

Jadual 26 : Senarai Aspek Piawaian Berkaitan Hasil, Belanja Dan Liabiliti

BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING BKP

Pelaksanaan Go-Live iSPEKS Di Peringkat Kerajaan Negeri

Pelaksanaan *go-live* iSPEKS di Kerajaan Negeri adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan ke arah landskap Perakaunan Akruan yang mengguna pakai standard, dasar serta polisi diterima umum dan memiliki penarafan antarabangsa. Sehingga tahun 2020, sebanyak lapan (8) Kerajaan Negeri telah melaksanakan *go-live* iSPEKS seperti berikut:



Rajah 13 : Go-Live Kerajaan Negeri Sehingga Tahun 2020

Latihan iSPEKS Versi 4 Di Kerajaan Negeri Pahang Dan Kelantan

Latihan iSPEKS Versi 4 telah diadakan pada 8 Oktober hingga 27 November 2020 di Kerajaan Negeri Pahang dan Kelantan. Objektif latihan ini diadakan adalah sebagai persediaan pengguna di Kerajaan Negeri Pahang dan Kelantan selaras dengan *go-live* iSPEKS mulai Januari 2021. Latihan diberikan oleh wakil Theta Edge Sdn. Bhd., manakala BKP sebagai fasilitator. Latihan melibatkan pengguna di Pejabat Bendahari Negeri, Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Jabatan di Kerajaan Negeri Pahang dan Kelantan.



Sesi Latihan iSPEKS Versi 4 Di Perbendaharaan Negeri Pahang



Sesi Latihan iSPEKS Versi 4 Di Perbendaharaan Negeri Kelantan

Latihan *Train The Trainers* (TTT)

Sepanjang tahun 2020, beberapa sesi latihan TTT telah diadakan melibatkan pengguna iSPEKS di Kerajaan Negeri yang telah *go-live*. Objektif latihan adalah untuk memberikan pendedahan, memastikan tahap kesediaan dan kefahaman pengguna yang jelas terhadap polisi serta standard MPSAS dan perakaunan akruan. Latihan diberikan oleh KPMG dan telah dikendalikan secara fizikal dan secara dalam talian.



Rajah 14 : Pelaksanaan TTT Sepanjang Tahun 2020

Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)

BKP telah menganjurkan Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) kepada pegawai MINDEF yang akan ditempatkan di PTJ luar negara. Kursus ini telah diadakan pada 14 hingga 15 September dan 17 hingga 18 September 2020 bertempat di Bilik Latihan, BKP. Seramai lapan (8) orang peserta telah berjaya menghadiri kursus ini dan akan bertugas di Malawakil Wellington, Malawakil Tokyo, Malawakil London, Malawakil Seoul, Malawakil Beijing, Malawakil Pretoria, Malawakil Washington dan Malawakil Canberra.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan latihan asas secara praktikal berkenaan penggunaan sistem iSPLN sebagai persediaan kepada pegawai sebelum memulakan tugas di luar negara.



Pegawai MINDEF Menghadiri Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)

Bengkel Kumpulan Kerja Pematuhan Perakaunan Akruan Persekutuan Bagi Komponen Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)

Bengkel ini telah diadakan pada 22 hingga 23 September 2020 di Bilik D'Anjung, BPAD. Bengkel ini bertujuan untuk menambah baik garis panduan sedia ada selari dengan *Audit Kit* dan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Seramai 23 orang peserta menyertai bengkel ini yang terdiri daripada pegawai naziran dari BA MOF, MAFI, KPM, MITI, MINDEF, KDN, KLN, JPM dan JKDM serta pegawai BPAD sebagai fasilitator.



Peserta Bengkel Kumpulan Kerja Pematuhan Perakaunan Akruan Persekutuan Bagi Komponen Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)

Lawatan Penilaian Jawatankuasa Pematuhan SAGA (JKPS)



Sebanyak lima (5) lawatan penilaian JKPS telah diadakan ke Agensi Kerajaan iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada 20 Februari 2020, Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) pada 24 Jun 2020, Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) pada 21 Julai 2020, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada 26 Ogos 2020 dan Pihak Berkuasa Pembangunan Lestari Malaysia (SEDA) pada 19 Oktober 2020.



Lawatan Penilaian Jawatankuasa Pematuhan SAGA (JKPS) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)



Lawatan Penilaian Jawatankuasa Pematuhan SAGA (JKPS) Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM)



Lawatan Penilaian Jawatankuasa Pematuhan SAGA (JKPS) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)



Lawatan Penilaian Jawatankuasa Pematuhan SAGA (JKPS) Pihak Berkuasa Pembangunan Lestari Malaysia (SEDA)

Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan (JKSPKP)

JKSPKP ditubuhkan di JANM bertujuan untuk mengkaji dan meluluskan permohonan pembangunan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan daripada Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat JKSPKP dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan dianggotai oleh Pengarah BKP, BPOPP, BPTM, PPPA, BPOPA, BPAD, BA MOF, Timbalan Pengarah BKP dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, BKP. Mesyuarat JKSPKP diadakan minimum dua (2) kali setahun. Pada tahun 2020, mesyuarat tersebut telah diadakan sebanyak empat (4) kali.

Bilangan Mesyuarat	Tarikh	Jumlah Kelulusan Sistem
JKSPKP Bil. 1/2020	21 Feb 2020	5
JKSPKP Bil. 2/2020	6 Mac 2020	2
JKSPKP Bil. 3/2020	2 Sep 2020	3
JKSPKP Bil. 4/2020	23 Nov 2020	8

Jadual 27 : Tarikh Pelaksanaan JKSPKP Dan Jumlah Sistem Yang Diluluskan

Bengkel *Robotic Processing Automation (RPA)* Dan *Analytics & Risk Engine*

Bengkel *Robotic Processing Automation (RPA)* dan *Analytics & Risk Engine* telah diadakan pada 29 Januari 2020 bertempat di Dewan Serbaguna JANM, Putrajaya. Bengkel ini dihadiri oleh 58 orang peserta dan empat (4) orang urus setia. Manakala penceramah jemputan adalah dari Syarikat Cognitive Consulting dan Forestpin (Pvt) Ltd. Timbalan Akauntan Negara (Korporat) telah menyampaikan ucapan penutup bagi bengkel ini.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memahami dengan lebih jelas mengenai teknologi *Robotic Process Automation (RPA)* dan *Analytics & Risk Engine* serta kesesuaian penggunaan teknologi tersebut dalam persekitaran Kerajaan terhadap sistem sedia ada atau sistem baharu. Selain itu, bengkel ini memberikan pendedahan awal kepada sektor awam khususnya warga JANM bagi menghadapi cabaran teknologi baharu yang kompleks seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing.

Aktiviti Kajian Bagi Penyediaan Pelan Induk iPayment

Selaras dengan inisiatif Pelan Strategik *Business* (BSP) JANM 2019 – 2023, Unit iPayment, BKP telah ditugaskan bagi menyediakan satu pelan induk sistem iPayment pada tahun 2020. Bagi tujuan tersebut beberapa aktiviti telah dilaksanakan oleh Unit iPayment, BKP dalam menghasilkan pelan induk tersebut. Antaranya, lawatan pasukan kajian ke Kementerian Keuangan Republik Indonesia pada 24 hingga 26 Februari 2020, lawatan kerja pasukan pelaksanaan iPayment JANM ke Ibu Pejabat LHDNM, Cyberjaya pada 19 Jun 2020 dan beberapa siri libat urus bersama PTJ yang telah melaksanakan sistem ePembayaran.



Wakil JANM Bergambar Bersama Direktur Dan Pegawai Sistem Informasi Dan Teknologi Perbendaharaan Indonesia



Wakil JANM Bergambar Bersama Pengarah Bahagian Unjuran Pungutan Dan Bayaran Serta Pegawai LHDNM

Pelaksanaan Aktiviti Perakaunan Strategik



BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BPTM

Aktiviti Cutover Projek Infrastruktur iGFMAS Dan Sistem Sokongan (*Tech Refresh*)

Projek Infrastruktur iGFMAS dan Sistem Sokongan (*Tech Refresh*) merupakan projek penggantian kepada infrastruktur sedia ada dengan infrastruktur baharu di tiga (3) persekitaran iGFMAS (*Development, Production* dan *Disaster Recover*) yang merangkumi skop berikut:

1. Perolehan perkakasan (server, storan dan *tape library*).
2. Perolehan perisian (tambahan dan pembaharuan lesen sedia ada).
3. Perolehan rangkaian (perkakasan, *cabling* dan sewaan talian replikasi).
4. Perkhidmatan (migrasi data, aplikasi, penyenggaraan *command centre* dan khidmat sokongan).
5. Lain-lain (penggantian peralatan pusat data JANM, *decommissioning* perkakasan iGFMAS dan sistem sokongan).

Kemuncak kepada projek ini adalah aktiviti *Cutover* Projek Infrastruktur iGFMAS dan Sistem Sokongan (*Tech Refresh*) yang telah diadakan pada 29 Julai hingga 2 Ogos 2020, di mana ia melibatkan aktiviti migrasi iGFMAS dan sistem sokongan ke infrastruktur baharu (*go-live*). Secara rasminya, infrastruktur baharu bagi iGFMAS dan sistem sokongan telah mula beroperasi pada 1 Ogos 2020.



Pengarah BPTM Bersama Wakil Pegawai BPTM, PPPA Dan Pembekal

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR Simulation) iGFMAS 2020

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR Simulation) iGFMAS bagi tahun 2020 telah dilaksanakan pada 9 hingga 10 Oktober 2020 melibatkan seramai 243 orang yang terdiri daripada pegawai JANM dan vendor (Mesiniaga Berhad (MB), Innovation Associates Consulting Sdn. Bhd. (iAC) dan Alfacom Technologies Sdn. Bhd.). Aktiviti telah dilaksanakan secara serentak di Bilik Mesyuarat Utama, BPTM, JANM dan *Disaster Recovery Centre* (DRC), Pusat Data Strategiq, Petaling Jaya.

Aktiviti ini merupakan aktiviti simulasi pemulihan bencana yang ketiga selepas *go-live* Sistem iGFMAS pada 1 Januari 2018. Aktiviti ini dijadikan sebagai aktiviti tahunan bagi BPTM untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan sistem iGFMAS sekiranya berlaku bencana yang melibatkan persekitaran Pusat Data *Production* (PRD) iGFMAS di i-City Shah Alam. Objektif aktiviti adalah seperti berikut:

1. Membuat pengesahan dan penambahbaikan *Disaster Recovery Strategy* (DRS), *Disaster Recovery Plan* (DRP) dan *Standard Operation Procedure* (SOP) pemulihan bencana iGFMAS dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam perkara berikut:
 - a. Pemulihan infrastruktur
 - b. Pengujian aplikasi
 - c. *Recovery Time Objective* (RTO)
 - d. *Recovery Point Objective* (RPO)
2. Memberi pendedahan dan latihan kepada ahli pasukan IT DR dalam pemulihan bencana iGFMAS.

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR Simulation) iGFMAS bagi tahun 2020 telah berjaya dilaksanakan dengan *zero data loss* bagi RPO di mana data di PRD adalah sama dengan data di DRC. Aktiviti ini juga berjaya mencapai sasaran RTO kurang dari 10 jam yang telah ditetapkan, iaitu masa yang diambil untuk memulihkan sistem iGFMAS (infrastruktur dan aplikasi) di persekitaran DRC iaitu selama 9 jam 19 minit.



Pengujian Aplikasi iGFMAS



Command Control Centre Di Bilik Mesyuarat Utama,
BPTM, JANM

Aktiviti Migrasi E-mel MyGovUC

Aktiviti migrasi e-mel MyGovUC merupakan projek migrasi platform sistem e-mel JANM (*mailbox* dan *pointing relay* notifikasi e-mel) ke platform sistem e-mel MyGovUC MAMPU. Aktiviti ini juga merupakan projek pewujudan 700 akaun *mailbox* skim W yang berkhidmat sebagai pegawai/kakitangan kader di kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

Berikut merupakan rentetan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 sehingga kepada pelaksanaan sepenuhnya e-mel MyGovUC di JANM.

1. Latihan Perkhidmatan MyGovUC telah diadakan pada 13 Julai 2020.
2. Program Hari Bertemu Pelanggan/*Kiosk* MyGovUC telah diadakan pada 19 Jun 2020.
3. Taklimat MyGovUC telah diadakan pada 22 Jun 2020.
4. Aktiviti *Eksport Mailbox* (.PST) ke peranti *Network Access Storage* (NAS) - *Offline Migration* ke Pangkalan Data MyGovUC telah selesai pada 21 Julai 2020.
5. Server-server lama e-mel JANM secara rasminya akan ditamatkan perkhidmatannya pada 31 Ogos 2020.
6. Projek Migrasi e-mel MyGovUC telah selesai sepenuhnya.



Kiosk MyGovUC Dibuka Untuk Kemudahan Pelanggan

Bengkel Motivasi BPTM Siri 1 – Semangat Kerja Berpasukan

Bengkel Motivasi Siri 1 dengan tajuk ‘Semangat Kerja Berpasukan’ diadakan khusus untuk warga BPTM pada 5 Oktober 2020 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM.

Bengkel ini diadakan rentetan daripada cadangan penambahbaikan kepuasan bekerja yang dicadangkan di BPTM dengan objektif bengkel seperti berikut:

1. Menyemai dan mengukuhkan semangat kerja berpasukan setiap pegawai/unit di BPTM.
2. Meningkatkan semangat kekitaan di kalangan pegawai.
3. Pemahaman kepada kaitan kehidupan dengan pekerjaan.
4. Mempraktikkan budaya kerja cemerlang di samping mempunyai nilai moral dan akhlak yang tinggi.
5. Pendedahan kepada cara mengimbangi kehidupan dengan pekerjaan bagi mengurangkan tekanan.

Secara kesimpulannya, bengkel motivasi ini telah berjaya mencapai objektif untuk menyemai dan mengukuhkan semangat kerja berpasukan di antara pegawai BPTM melalui setiap aktiviti yang dijalankan. Peserta juga disarankan untuk terus mempraktikkan semangat kerja berpasukan, budaya kerja cemerlang serta tips-tips bermanfaat yang telah dikongsikan oleh penceramah dalam pekerjaan dan kehidupan seharian.



Warga BPTM Bergambar Bersama Penceramah

INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA

IPN

IPN telah diamanatkan sebagai Institut Latihan Awam (ILA) *Core Centre* Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan. IPN berperanan untuk melaksanakan Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan seperti berikut:

1. Asas Perakaunan Kerajaan
2. Perakaunan Akruan (Asas)
3. Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan
4. Perakaunan Pembayaran Kerajaan
5. Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar
6. Sistem Belanjawan Negara (Asas)
7. Pengurusan Gaji Penjawat Awam
8. Pengurusan Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam
9. Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan
10. Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan
11. Asas Pengurusan Kewangan

Secara keseluruhan, bagi tahun 2020 IPN telah melaksanakan sebanyak 286 kursus atau 75 peratus daripada 380 kursus yang telah dirancang. Dari jumlah tersebut, 182 adalah kursus yang ditakwimkan dalam Jadual Program Latihan IPN manakala 104 kursus adalah di luar Jadual Program Latihan IPN. Jumlah keseluruhan peserta pada tahun 2020 adalah seramai 6,602 orang yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 1,862 orang manakala 4,740 orang adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

Laporan Pelaksanaan Kursus Takwim Latihan IPN 2020

Bagi tahun 2020, sebanyak 271 kursus telah dirancang di dalam Takwim Latihan. Ini merangkumi Kursus Perakaunan, Kursus Kewangan, Kursus Pengauditan, Kursus Sistem Maklumat Perakaunan, Kursus Baharu dan juga Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan yang dijalankan di lima (5) zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak.

Daripada 271 kursus yang dirancang, IPN berjaya melaksanakan sebanyak 182 atau 67 peratus dan telah mencapai sasaran pindaan KPI yang telah ditetapkan. Pindaan sasaran kepada 60 peratus pelaksanaan kursus disebabkan oleh penularan wabak Covid-19 yang telah menyebabkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebanyak 28 siri kursus telah dilaksanakan secara dalam talian bagi memastikan latihan bagi meningkatkan kompetensi penjawat awam diteruskan sesuai dengan keadaan semasa. Perincian pelaksanaan takwim latihan adalah seperti di Jadual 28.

Bil	Tajuk Kursus	Bilangan Kursus Dilaksanakan		Bilangan Peserta
		IPN	Zon (JANM Negeri/Cawangan)	
1	Kursus Perakaunan	25	19	921
2	Kursus Kewangan	28	11	884
3	Kursus Sistem Maklumat Perakaunan	35	48	1,544
4	Kursus-kursus Baharu	14	2	493
Jumlah Keseluruhan		102	80	3,842

Jadual 28 : Prestasi Pelaksanaan Takwim Latihan Tahun 2020

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 3,842 penjawat awam terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Daripada jumlah ini, 498 atau 13 peratus adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 3,344 peserta atau 87 peratus adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

Laporan Pelaksanaan Kursus Luar Takwim Latihan IPN Tahun 2020

Selain daripada pelaksanaan kursus yang ditakwimkan dalam latihan tahunan, IPN juga turut melaksanakan kursus-kursus lain yang telah diluluskan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Latihan IPN. Kursus-kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 adalah seperti di Jadual 29.

Bil	Tajuk Kursus	Bilangan Kursus Dilaksanakan	Bilangan Peserta
1	Program Transformasi Minda dan Pra Penempatan	2	39
2	Kelas Persediaan Peperiksaan Profesional	80	770
3	<i>Executive Talk</i>	4	541
4	Kursus <i>Training Road Map</i>	15	1,292
5	Kursus Pembangunan Tenaga Pengajar	3	118
Jumlah		104	2,760

Jadual 29 : Pelaksanaan Kursus Luar Takwim Latihan IPN Tahun 2020

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 2,760 penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai kementerian/jabatan dan agensi kerajaan. Daripada jumlah ini, 1,364 peserta atau 49 peratus adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 1,396 peserta atau 51 peratus adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

Pembangunan Profesional

Kerjasama Strategik Badan Profesional Perakaunan

Salah satu strategi yang telah diambil oleh JANM dalam memperkemaskan perkhidmatan serta meningkatkan kompetensi dan profesionalisme Akauntan Sektor Awam adalah dengan meneruskan kerjasama strategik dengan Badan Profesional Perakaunan. Pada tahun 2020, JANM telah mengadakan perbincangan dua hala berkaitan hala tuju JANM dan pembangunan kompetensi bersama badan-badan profesional berikut:

1. The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) pada 13 Januari 2020
2. Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) pada 11 Februari 2020
3. CPA Australia pada 13 Februari 2020
4. Association of Certified Chartered Accountants (ACCA) pada 5 Mac 2020



Pertemuan ANM Bersama
Presiden MICPA



Pertemuan ANM Bersama
Wakil ACCA




Pertemuan ANM Bersama
Pengarah CPA Australia

Program Keahlian Dalam Badan Profesional Perakaunan


JANM meneruskan empat (4) program badan profesional melalui Program Keahlian Dalam Badan Profesional Perakaunan di bawah kendalian Pusat Pembangunan Profesional Institut Perakaunan Negara (IPNCPD). Bagi membantu calon lulus penuh, IPNCPD telah mengadakan sokongan tambahan yang berimpak tinggi dengan kerjasama rakan strategik IPNCPD bagi membolehkan prestasi dan perkembangan calon dipantau secara menyeluruh. Calon-calun juga menduduki peperiksaan percubaan iaitu sesi penilaian untuk menambah baik prestasi menerusi maklum balas yang diberikan.

Tahun 2020 turut memberikan cabaran besar apabila program perlu berubah kepada mod *hybrid* secara bersemuka dan kelas dalam talian. Perubahan bukan sahaja melibatkan kelas-kelas pengajian, tetapi juga kaedah peperiksaan dan kelas sokongan. Hasil usaha dan sokongan serta komunikasi berkesan dengan semua pihak, program ini menunjukkan perkembangan positif dengan pencapaian amat membanggakan bagi bilangan calon-calon lulus penuh. Pada tahun 2020, seramai 78 orang telah lulus penuh berbanding 67 orang pada tahun sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 16 peratus.

Bilangan Calon

Carta 13 : Bilangan Calon Lulus Penuh Mengikut Tahun

Secara keseluruhannya, seramai 560 orang Akauntan JANM serta sembilan (9) orang Akauntan Sektor Awam telah dilatih menerusi program ini sejak diperkenalkan pada tahun 2012. Program ini telah berjaya membantu 223 orang akauntan lulus penuh dan layak dipertimbangkan bagi mendapat keahlian penuh dalam badan profesional. Bilangan pengambilan juga telah mencapai KPI yang disasarkan iaitu seramai 70 orang calon di mana 65 daripadanya calon lantikan JANM dan lima (5) calon merupakan calon lantikan agensi kerajaan yang lain.

Bilangan Calon

Carta 14 : Status Keseluruhan Calon Program Keahlian Dalam Badan Profesional Perakaunan Mengikut Program

Majlis Amanat Akauntan Negara Malaysia Dan Penyerahan Surat Tawaran

Pada tahun 2020 sebagai tanda sokongan dan komitmen kepada program ini, YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia telah sudi hadir sebanyak dua (2) kali iaitu pada 14 Januari 2020 secara bersemuka dan 17 Jun 2020 secara dalam talian untuk menyampaikan amanat beliau kepada calon-calon baharu. Selain itu juga, sebanyak lapan (8) sesi taklimat telah diadakan bagi membolehkan calon mengetahui dengan lebih lanjut mengenai program profesional yang diikuti, struktur kelas persediaan dan tajaan JANM. Dalam sesi taklimat ini beberapa orang calon yang telah lulus penuh turut berkongsi tips dan pengalaman bagi memberi pengetahuan kepada bakal-bakal calon. Sesi taklimat ini juga mendapat kerjasama rakan-rakan strategik JANM dari badan profesional perakaunan iaitu ACCA, CIMA, CPA Australia dan MICPA serta penyedia perkhidmatan iaitu UiTM dan KAPLAN.



Majlis Amanat Akauntan Negara Malaysia Bersama Calon-calon Program Profesional Tahun 2020

Pembangunan Penyelidikan

Projek Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam

Projek Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia yang bermula sejak tahun 2016 melalui Fasa Pertama telah berjaya disempurnakan pada tahun 2020 melalui Fasa Keempat. Projek yang memfokuskan kepada pembangunan kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf ini melibatkan kerjasama penyelidikan antara JANM dan kumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kolokium Penyelidikan 2020

Bagi meneruskan agenda penerokaan ilmu dalam norma baharu, Kolokium Penyelidikan Tahun 2020 telah berjaya dianjurkan secara dalam talian. Kolokium ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia pada 4 November 2020. Penyertaan seramai 166 orang terdiri daripada kalangan pegawai perakaunan JANM, kementerian dan jabatan, pegawai sektor awam pelbagai jawatan, ahli akademik institusi pengajian tinggi dan juga orang awam.

Pembentangan Kolokium Penyelidikan Tahun 2020 melibatkan tiga (3) pegawai JANM, tiga (3) akauntan dari agensi kerajaan yang lain dan dua (2) ahli akademik universiti awam dan universiti swasta. Kolokium ini telah ditambah baik dengan penglibatan secara langsung ahli akademik sebagai Pengulas Khas bagi setiap pembentangan untuk mendapatkan ulasan dan pandangan daripada perspektif akademik. Senarai pembentangan Kolokium Penyelidikan Tahun 2020 adalah seperti berikut:

Bil	Tajuk Pembentangan	Pembentang
1	<i>Risk Management Practices And Management Accounting System To Sustain Federal Government's Revenue</i>	Encik Ahmad Shukri bin Abdul Gani Institut Perakaunan Negara, JANM
2	Pelaporan Penyata Kewangan Organisasi Bukan Keuntungan	Dr. Noor Raudhiah binti Abu Bakar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
3	<i>Changes In Public Sector Internal Auditing</i>	Puan Fathiyah binti Mohamed Yahya Jabatan Perkhidmatan Awam
4	<i>Accrual Accounting in Public Sector: Disclosure of Public Capital Assets – A Challenge in Realising True and Fair View</i>	Puan Era Fida binti Shabudin Jabatan Akauntan Negara Malaysia
5	<i>Factors Influencing Property, Plant And Equipment Valuation Accuracy In Public Sector Financial Statements: Accountants' Perspective</i>	Encik Farquarul Ariffin bin Abdullah Kementerian Kesihatan Malaysia
6	<i>Level of Ethical Work Climate And Its Outcome Among Public Sector Auditors In Malaysia</i>	Dr. Loke Chew Har INTI International University
7	Pembangunan Kerangka Kerja Pelaporan Akauntabiliti Pengaturan Kerjasama Awam Swasta	Puan Juliana binti Saleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia
8	<i>The Impact Of Corporate Governance Characteristics Of Shariah Compliant Companies In Malaysia</i>	Encik Mohd Marzuki bin Ismail Jabatan Perkhidmatan Awam

Jadual 30 : Senarai Pembentangan Kolokium Penyelidikan Tahun 2020



Perasmian Kolokium Penyelidikan Tahun 2020 Anjuran IPN Oleh Akauntan Negara Malaysia (ANM)

IPN Journal Of Research And Practice In Public Sector Accounting And Management (IPN Journal)

Sebagai salah satu langkah menaik taraf dan mempromosikan jurnal yang diterbitkan, *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* juga telah berjaya didaftarkan untuk indeks kebangsaan melalui MyJurnal/MyCite. Komitmen Sidang Editor yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa juga telah berjaya memastikan *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management Volume 10, No. 1, 2020* diterbitkan mengikut jadual walaupun berhadapan cabaran dalam norma baharu. IPN Journal kini boleh diakses secara dalam talian melalui laman web khas IPN Journal iaitu <http://jurnal.ipn.gov.my> dan laman web MyJurnal.

IPN Leadership Series

Penganjuran IPN *Leadership Series* (ILS) telah diteruskan bagi tahun 2020 secara dalam talian sepenuhnya bagi mendedahkan Akauntan dan warga JANM kepada isu dan topik-topik semasa yang relevan dengan bidang perakaunan dan kewangan. ILS pada tahun 2020 memberi fokus kepada perkongsian isu yang secara relatifnya berkaitan langsung dengan operasi JANM dan juga secara kolaboratif dengan rakan strategik JANM. Sesi ILS Tahun 2020 adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Tajuk Dan Pembentang
1	1 Jul 2020	Penemuan Audit Migrasi Aset di Penyata Kewangan Kementerian Puan Bibi Nurfaritha binti Bashir Ahmad (BPAD, JANM)
2	25 Sep 2020	iGFMAS: Big Data dan Naziran Puan Gloria Angela James Noah (BPOPP, JANM)
3	27 Okt 2020	<i>Sustainable Public Finances – Taking a Balance Sheet Approach</i> i) Alex Metcalfe, Head of Public Sector Policy, ACCA ii) Prof. Ian Ball, Professor of Practice – <i>Public Financial Management School of Accounting and Commercial Law</i> (Program Kolaboratif bersama ACCA)
4	18 Nov 2020	Pelan Strategik JANM 2019 – 2023 ' <i>Digital Finance and Accounting</i> ' Tuan Haji Zaharin bin Othman (Pengarah BPPP, JANM)
5	15 Dis 2020	Sahsiah Unggul 'Pemangkin Pemimpin Cemerlang' Puan Nor Ziana binti Awang (Pegawai Psikologi, BPPP, JANM)
6	21 – 22 Dis 2020	<i>Risk Based Auditing</i> Mr. T. Tharmaseelan (Program Kolaboratif bersama CIMA)

Jadual 31 : Senarai Penganjuran IPN *Leadership Series* Tahun 2020

PN BIBI NURFARITHA BINTI BASHIR AHMAD
 C.P. (M) (B), FCPA
 SEKTOR PENYATAAN PERAKAUNAN
 BAHAGIAN PEMBANGUNAN AKAUNT NEGARA
 JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

IPN LEADERSHIP SERIES 1/2020
PENEMUAN AUDIT MIGRASI ASET
 DI PENYATA KEMENTERIAN

1 RABU | 1 JULAI 2020 | 9.00 - 10.00 PAGI |

Imbas untuk Pendaftaran sebelum 28 Jun 2020.

PERJAJAN
 Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD), Institut Perakuteraan Negara

IPN LEADERSHIP SERIES 2/2020

iGFMAS: BIG DATA & NAZIRAN

25.9

25 SEPTEMBER 2020
 9.00 - 10.30 AM

SEMINAR PERCUMA

Imbas untuk Pendaftaran sebelum 14 September 2020

PERJAJAN
 Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD), Institut Perakuteraan Negara

ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT OF MALAYSIA

SUSTAINABLE PUBLIC FINANCES - TAKING A BALANCE SHEET APPROACH

27.10.2020 | 3.00-4.35 PM

by **ALEX METCALFE** and by **IAN BALL**
 Head of Public Sector Policy, ACCA Professor of Practice - Digital Financial Management School of Accounting & Commercial Law

SCAN FOR REGISTRATION BEFORE 21ST OCTOBER 2020

IPN LEADERSHIP SERIES 4/2020

PELAN STRATEGIK JANM 2019 - 2023
"DIGITAL FINANCE AND ACCOUNTING"

18 NOVEMBER 2020 (RABU)
 9.00 PAGI - 10.30 PAGI

Imbas untuk Pendaftaran sebelum 16 November 2020

PERJAJAN
 Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD), CENRIS

IPN LEADERSHIP SERIES 5/2020
Sahsiah Unggul
"MEMANGKIN PEMIMPIN CEMERLANG"

PUAN NOR ZIANA BINTI AWANG
 PEGAWAI PSIKOLOGI
 BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN & PENGURUSAN (BPPU)
 JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

SELASA | 15 DISEMBER 2020
 9.00 - 10.30 PAGI

Imbas untuk Pendaftaran sebelum 13 Disember 2020

PERJAJAN
 Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD), CENRIS

IPN Leadership Series Tahun 2020



LAPORAN AKTIVITI

PENGURUSAN OPERASI

BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI BPOPA

BPOPA bertanggungjawab memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara (KAN) dan seterusnya dibentangkan di Parlimen. Selain itu, BPOPA juga bertanggungjawab untuk menyelaras pengurusan wang tunai, akaun amanah, panjar, transaksi melibatkan Kerajaan Negeri serta memperakaunkan pelaburan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan.

Penghantaran Kertas Kerja Sokongan Bagi Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2019

Pada 17 Mac 2020, BPOPA telah mengemukakan Kertas Kerja Sokongan (KKS) bagi Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 kepada wakil Ketua Audit Negara di Ibu Pejabat JANM. KKS yang dikemukakan ini adalah merupakan dokumen sokongan yang disediakan dan dikumpulkan di semua peringkat sama ada di PTJ, Pejabat Perakaunan atau Ibu Pejabat sendiri.

Bengkel Pembentangan Penyata Kewangan Kementerian

Pihak BPOPA telah menganjurkan Bengkel Pembentangan Penyata Kewangan Kementerian secara dalam talian pada 4 hingga 5 Jun 2020 yang telah disertai oleh Akauntan dari semua kementerian.

Semasa bengkel tersebut, pihak kementerian telah membentangkan Penyata Kewangan tahun 2019 bagi tujuan semakan ketepatan pelaporan Penyata Kewangan masing-masing.

Mesyuarat Penyeragaman Dokumen Sokongan Bagi Data Baki Awal Penyata Kewangan Akruan Kementerian

Pada 3 September 2020, BPOPA telah menganjurkan Mesyuarat Penyeragaman Dokumen Sokongan Bagi Data Baki Awal Penyata Kewangan Akruan Kementerian bertempat di Bilik Gerakan, JANM. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah, Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan dan dihadiri oleh dua (2) wakil dari setiap kementerian.

Mesyuarat tersebut telah diadakan bertujuan untuk menyeragamkan dokumen sokongan baki awal Penyata Kewangan Akruan tahun 2018 dan 2019 bagi semua kementerian melalui *template* yang disediakan oleh BPOPA. Ini akan memastikan kementerian mempunyai dokumen sokongan migrasi baki awal bagi tujuan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara.



Mesyuarat Penyeragaman Dokumen Sokongan Bagi Data Baki Awal Penyata Kewangan Akruan Kementerian

Exit Conference Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019

Exit Conference Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi membentangkan penemuan audit terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 telah diadakan pada 19 Ogos 2020 bertempat di Jabatan Audit Negara Malaysia. Seramai 30 orang pegawai telah menyertai *Exit Conference* ini yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara.

Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri

Pada tahun 2020, BPOPA telah menganjurkan Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri sebanyak dua (2) kali yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk ANM. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan dasar dan operasi di Pejabat Perbendaharaan Negeri agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah seragam dan selari dengan polisi terkini. Mesyuarat ini turut membincangkan isu-isu berkaitan keperluan dan pelaksanaan perakaunan akruan termasuk isu-isu berkaitan sistem iSPEKS.

Semasa mesyuarat tersebut juga, Bendahari/Akauntan Negeri dan pengurusan JANM telah membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Pejabat Perbendaharaan Negeri bagi tahun kewangan 2019.

Mesyuarat pertama telah diadakan di Ibu Pejabat JANM, Putrajaya secara dalam talian pada 5 Jun 2020, manakala mesyuarat kedua telah diadakan di Symphony Hotel, Perak pada 23 hingga 26 September 2020.

BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN **BPOPP**

Pelaksanaan Bengkel Pelan Induk *Digital Workspace* JANM

Selaras dengan Pelan Strategik *Business* (BSP) JANM 2019 - 2023, BPOPP telah dipertanggungjawabkan sebagai *Lead Owner* bagi pembangunan Pelan Induk *Digital Workspace* JANM. Pelan Induk *Digital Workspace* JANM telah disediakan dengan kerjasama daripada *Co-owner* iaitu Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) dan Institut Perakaunan Negara (IPN) serta dibantu oleh Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP), Bahagian Khidmat Perunding (BKP) dan JANM Negeri Selangor. Pelan ini telah disempurnakan pada 31 Disember 2020 selaras dengan KPI BSP JANM 2019 - 2023.

Pelan induk yang dibangunkan ini merupakan dokumen utama yang menjadi rujukan kepada JANM dalam merancang dan melaksanakan inisiatif persekitaran ruang kerja terbuka (*Digital Workspace*). Skop program yang dinyatakan di dalam pelan induk ini adalah tertakluk kepada program dan inisiatif di dalam BSP 2019 - 2023 iaitu Membangunkan dan Menggunakan Pakai *Tools* serta Persekitaran yang Kondusif dan Pembangunan Platform Pembelajaran Digital JANM yang disokong dengan pelaksanaan Ruang Kerja Terbuka. Pelan Induk *Digital Workspace* JANM mengandungi lapan (8) bab yang menjelaskan hala tuju dan kerangka *Digital Workspace*, Strategi Pelaksanaan *Digital Workspace* serta Faktor Kejayaan Kritikal *Digital Workspace*.

Pelan induk ini juga mengandungi maklumat dan spesifikasi pengubahsuaian ruang kerja terbuka yang telah dilaksanakan di JANM Negeri Selangor, analisa bagi Kajian Kesediaan Pelaksanaan *Digital Workspace* di JANM dan Struktur Organisasi Jawatankuasa Pelaksana Pelan Induk *Digital Workspace* JANM. Sebagai *Lead Owner* kepada inisiatif ini, BPOPP telah mengadakan dua (2) siri bengkel penyediaan dan pemantapan Pelan Induk *Digital Workspace* JANM yang telah dihadiri oleh wakil bahagian dari BPOPP, BPPP, BPTM, IPN, BKP dan JANM Negeri Selangor.

Bengkel ini diadakan bagi memuktamadkan kandungan pelan induk yang telah disediakan bersama *Co-owner*. Sesi bengkel ini telah dijalankan dengan mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) mesyuarat yang ditetapkan kerajaan dan ianya berlangsung dengan jayanya walaupun negara sedang menghadapi penularan pandemik Covid-19.

Bagi memastikan pelan induk ini dapat disempurnakan pada tahun 2020, setiap perkembangan penyediaan pelan induk sentiasa dipantau rapi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana *Digital Workspace* yang diadakan sebanyak empat (4) kali.

Bil	Mesyuarat	Tarikh
1	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana <i>Digital Workspace</i> Bil. 1 Tahun 2020	4 Mei 2020
2	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana <i>Digital Workspace</i> Bil. 2 Tahun 2020	10 Sep 2020
3	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana <i>Digital Workspace</i> Bil. 3 Tahun 2020	8 Okt 2020
4	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana <i>Digital Workspace</i> Bil. 4 Tahun 2020	6 Nov 2020

Jadual 32 : Senarai Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana *Digital Workspace* JANM

Bil	Bengkel	Tarikh	Lokasi
1	Bengkel Pelan Induk <i>Digital Workspace</i> Bil. 1 Tahun 2020	2 Jul 2020	JANM Putrajaya
2	Bengkel Pelan Induk <i>Digital Workspace</i> Bil. 2 Tahun 2020	6 – 7 Okt 2020	Hotel Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan

Jadual 33 : Senarai Bengkel Pelan Induk *Digital Workspace* JANMBengkel Pelan Induk *Digital Workspace* Bil. 1/2020 JANM PutrajayaBengkel Pemantapan Pelan Induk *Digital Workspace* Bil. 2/2020 Di Port Dickson, Negeri Sembilan

Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan Dan Ketua Akauntan (MPKA)

Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan dan Ketua Akauntan (MPKA) telah diadakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2020.

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi
1	MPKA Bil. 1 Tahun 2020	10 – 12 Mac 2020	Hotel Pullman Kuching, Sarawak
2	MPKA Bil. 2 Tahun 2020	24 – 26 Ogos 2020	Raia Hotel & Convention Centre, Terengganu
3	MPKA Bil. 3 Tahun 2020	7 – 9 Dis 2020	Bilik Gerakan, JANM Putrajaya dan secara dalam talian

Jadual 34 : Senarai MPKA Yang Diadakan Sepanjang Tahun 2020

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi JANM, Pengarah Bahagian, Ketua Akauntan Bahagian Akaun Kementerian serta Pengarah JANM Negeri dan Cawangan. Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah berjaya membincangkan dan menyelesaikan permasalahan di Pejabat Perakaunan berkaitan isu-isu operasi dan dasar agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam dan terkini.



MPKA Bil. 1 Tahun 2020 Di Hotel Pullman Kuching, Sarawak



MPKA Bil. 3 Tahun 2020 Di Bilik Gerakan, JANM Putrajaya

Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2020

Taklimat Penutupan Akhir Tahun 2020 telah diadakan secara dalam talian pada 20 November 2020. Taklimat ini telah dihadiri seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada wakil 26 Bahagian Akaun Kementerian dan 24 JANM Negeri/Cawangan.



Taklimat Penutupan Akhir Tahun 2020 Diadakan Secara Dalam Talian



Taklimat Pukal Bersama Agensi Pukal Diadakan Secara Dalam Talian

Taklimat Pukal

Mesyuarat bersama Agensi Pukal telah diadakan secara dalam talian pada 20 November 2020 bagi menyelaraskan proses pembayaran pukal serta menangani isu semasa perolehan. Ahli mesyuarat yang terlibat adalah wakil daripada 29 Agensi Pukal, 26 Bahagian Akaun Kementerian dan 24 JANM Negeri/Cawangan.

Pelaksanaan Bengkel KIK JANM

BPOPP juga telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Bengkel KIK bagi tahun 2020. Disebabkan oleh penularan pandemik Covid-19, Bengkel KIK JANM 2020 telah diadakan secara dalam talian pada 24 hingga 25 November 2020. Bengkel ini telah dihadiri seramai 188 orang peserta yang terdiri daripada wakil JANM Negeri/Cawangan dan Bahagian JANM. Penceramah jemputan bagi bengkel tersebut ialah Tuan Mohd Ramlee bin Musa dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hasil daripada bengkel tersebut, peserta dapat memantapkan pengetahuan mengenai konsep, prinsip dan amalan-amalan yang terdapat di dalam program KIK selain memberi pendedahan bekerja secara kumpulan. Selain itu, ia juga dapat memberi pemahaman mengenai teknik menyelesaikan masalah secara kualitatif dan kuantitatif. Peserta juga berkebolehan merancang strategi dan berfikir secara kreatif serta dapat menambah baik proses kerja harian di JANM.



Bengkel KIK JANM Tahun 2020 Diadakan Secara Dalam Talian

Mesyuarat Ketua Naziran

BPOPP telah mengadakan Mesyuarat Ketua Naziran Pejabat Perakaunan (MKN) seperti di Jadual 35.

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi
1	MKN Bil. 1 Tahun 2020	27 – 28 Jul 2020	Putrajaya International Convention Centre (PICC)
2	MKN Bil. 2 Tahun 2020	26 Nov 2020	Dalam Talian

Jadual 35 : Mesyuarat Ketua Naziran

Kehadiran Ketua Naziran Bahagian Akaun Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan adalah seramai 62 orang pegawai. MKN Bil. 1 Tahun 2020 dipengerusikan oleh YBrs. Encik Rozaimi bin Idris, Pengarah BPOPP di PICC, manakala MKN Bil. 2 Tahun 2020 dipengerusikan oleh Puan Gloria Angela James Noah, Timbalan Pengarah BPOPP.

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di seluruh negeri kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan sehingga 6 Disember 2020, MKN Bil. 2 Tahun 2020 telah dilaksanakan melalui pendekatan norma baharu iaitu secara dalam talian. Mesyuarat pada kali ini telah dihadiri seramai 79 orang pegawai yang terdiri daripada wakil Bahagian dan semua Ketua Seksyen/Unit Naziran Pejabat Perakaunan.

Objektif mesyuarat adalah:

1. Pembentangan strategi terkini pelaksanaan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan selaras dengan Penyusunan Semula kementerian dan pandemik Covid-19 yang melanda negara.

2. Susulan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa mulai bulan Mac 2020, pihak Pengurusan Tertinggi JANM juga telah memutuskan agar kajian semula dilaksanakan ke atas KPI Naziran Pejabat Perakaunan di mana pengurangan sebanyak 50% daripada jumlah KPI asal iaitu 1,674 Pusat Tanggungjawab (PTJ) kepada 853 PTJ.
3. Pembentangan penemuan Laporan Isu Matan Tahun 2020 serta strategi berkaitan bagi pemantapan pelaksanaan naziran oleh Pejabat Perakaunan. Pelaksanaan penggunaan perisian *Audit Command Language* (ACL) mulai tahun 2019 dilihat dapat membantu Pasukan Naziran terutamanya untuk mengenal pasti data *red flag* iGFMAS bagi tujuan analisis dan pensampelan. Ini terbukti melalui kejayaan Pasukan Naziran melaporkan isu matan secara berkala kepada pihak pengurusan JANM.
4. Taklimat Kelulusan Pemusnahan Dokumen Kewangan dan Perakaunan oleh Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) telah diberikan selaras dengan penyerahan fungsi tersebut kepada Pejabat Perakaunan mulai April 2020.
5. Membincangkan hala tuju pelaksanaan naziran serta penetapan KPI bagi tahun 2021.
6. Pembentangan prestasi pencapaian KPI Naziran Pejabat Perakaunan bagi tahun 2020.
7. Membincangkan isu berbangkit berkaitan dasar dan operasi termasuk cadangan penambahbaikan Garis Panduan Naziran dalam memastikan keberkesanan dan penyeragaman pelaksanaan naziran di semua peringkat Pejabat Perakaunan.



MKN Bil. 1 Tahun 2020 Di Putrajaya International Convention Centre (PICC)



MKN Bil. 2 Tahun 2020 Secara Dalam Talian

Program Inspektorat BPOPP

Program Inspektorat adalah program tahunan dan juga merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) BPOPP. Susulan daripada pelaksanaan PKP dan penularan pandemik Covid-19 turut memberi impak terhadap pelaksanaan Program Inspektorat.

Objektif Program Inspektorat adalah seperti berikut:

1. Memastikan perjalanan operasi dan pengurusan pejabat JANM Negeri/Cawangan sebagai Pejabat Perakaunan dan Pusat Tanggungjawab berjalan dengan lancar.
2. Memantau pematuan semua prosedur pengurusan pentadbiran, kewangan dan perakaunan JANM Negeri/Cawangan.
3. Membincangkan isu berbangkit dan penambahbaikan yang perlu (sekiranya ada) dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Pada tahun 2020, Program Inspektorat telah dilaksanakan seperti Jadual 36 berikut:

Bil	JANM Negeri/Cawangan	Tarikh
1	JANM Cawangan Keningau	13 – 15 Jan 2020
2	JANM Cawangan Kapit	3 – 5 Feb 2020
3	JANM Negeri Terengganu	18 – 20 Feb 2020
4	JANM Negeri Selangor	23 – 24 Jun 2020
5	JANM Negeri Sembilan	30 Jun – 1 Jul 2020
6	JANM Negeri Pahang	20 – 22 Jul 2020
7	JANM Negeri Perlis	26 – 28 Ogos 2020
8	JANM Negeri Perak	7 – 9 Sep 2020
9	JANM Cawangan Sibu	29 – 30 Sep 2020

Jadual 36 : Program Inspektorat



Inspektorat JANM Cawangan Keningau



Inspektorat JANM Negeri Sembilan

BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT BWTD

Program Pemeriksaan Di Bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965

BWTD berfungsi sebagai Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut (WTD) bagi menjalankan tanggungjawab seperti yang tertera di Bahagian II, Akta WTD 1965 iaitu:

1. Pemegang amanah terhadap WTD yang diterima.
2. Membayar balik WTD kepada empunya WTD sekiranya terdapat permohonan tuntutan.
3. Memeriksa rekod syarikat atau firma bagi memastikan kepatuhan peruntukan Akta.
4. Mencadangkan kompaun dan hukuman denda terhadap syarikat atau firma yang gagal mematuhi peruntukan Akta.

Bagi menguatkuasakan Akta ini di bawah Seksyen 12 Akta WTD 1965, Pendaftar WTD atau pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh melakukan pemeriksaan terhadap buku, rekod, daftar dan dokumen yang disimpan oleh syarikat/firma dan boleh mengambil serta menyita apa-apa dokumen sebagai bukti yang menunjukkan ketidakpatuhan Akta.

Bilangan Pemeriksaan di bawah Akta WTD 1965 merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) Akauntan Negara Malaysia selaku Pendaftar WTD di Malaysia dan Timbalan Akauntan Negara (Operasi) selaku Timbalan Pendaftar WTD. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 165 syarikat/firma telah diperiksa oleh Unit Penguatkuasaan BWTD berbanding 196 syarikat/firma pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan susulan penularan wabak Covid-19.

Sehingga 31 Disember 2020, Unit Penguatkuasaan BWTD telah berjaya menyelesaikan 96.5% kes pemeriksaan.



Sekitar Pemeriksaan Ke Atas Syarikat/Firma Secara Norma Baharu

Program Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut 1965

Bagi meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran syarikat/firma dan orang awam mengenai Akta WTD 1965, Unit Penguatkuasaan telah melaksanakan sebanyak 13 taklimat pada tahun ini iaitu:

1. Lima (5) Taklimat Kesedaran WTD kepada wakil syarikat/firma di Pejabat BWTD di Menara Maybank, Kuala Lumpur termasuk satu (1) kali diadakan secara sidang video (*video conference*) yang disertai oleh Pejabat Penolong Pendaftar seluruh negara.
2. Dua (2) Taklimat Kesedaran WTD kepada ahli MIA secara dalam talian dengan kerjasama MIA.
3. Satu (1) Taklimat Kesedaran WTD kepada calon yang memohon lesen juruaudit dalam *Public Practice Programme 2020* anjuran MIA bertempat di Connexion Conference & Event Centre @ The Vertical, Bangsar South, Kuala Lumpur dan tiga (3) Taklimat Kesedaran WTD kepada calon yang memohon lesen juruaudit dalam *Public Practice Programme 2020* anjuran MIA secara dalam talian.
4. Satu (1) Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut kepada Akauntan lantikan baharu di IPN Sabak Bernam anjuran BPPP, JANM.
5. Satu (1) Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut bersama agensi kerajaan iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Di samping meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap pengurusan WTD, program ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan kepatuhan syarikat/firma terhadap Akta WTD 1965 dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menyerahkan WTD setiap tahun.

Program Pemantapan Kompetensi Pegawai-pegawai Penguatkuasa

Bagi memantapkan lagi kompetensi pegawai-pegawai penguatkuasa, satu (1) kursus yang berkaitan telah diadakan seperti berikut:

BII	Nama Aktiviti	Tarikh	Bilangan Hari
1	Kursus Persembahan Penyata Kewangan Syarikat/Firma Bagi Peningkatan Kompetensi Pegawai Pemeriksa	16 – 18 Feb 2020	3

Jadual 37 : Program Pemantapan Kompetensi Pegawai-pegawai Penguatkuasa

Mesyuarat Bersama Ketua-ketua Unit WTD Dan Penolong Pendaftar WTD

Bil	Perkara	Tempat	Tarikh
1	Mesyuarat Ketua-ketua Unit WTD Bil. 1 Tahun 2020	Bilik Mesyuarat BWTD, Menara Maybank (Secara <i>hybrid</i> – pertemuan fizikal dan sidang video)	15 & 16 Jun 2020
2	Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut Bil. 1 Tahun 2020	Bilik Gerakan JANM, (Secara <i>hybrid</i> – pertemuan fizikal dan sidang video)	14 Jul 2020
3	Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut Bil. 2 Tahun 2020	Bilik Gerakan JANM, (Secara <i>hybrid</i> – pertemuan fizikal dan sidang video)	16 Nov 2020

Jadual 38 : Mesyuarat Bersama Ketua-ketua Unit WTD Dan Penolong Pendaftar WTD

Susulan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 akibat penularan wabak Covid-19, mesyuarat yang melibatkan pegawai dari luar kawasan telah diadakan secara maya atau sidang video.

Mesyuarat bersama Ketua-ketua Unit WTD Bil. 1 Tahun 2020 yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD) telah diadakan pada 15 dan 16 Jun 2020. Mesyuarat ini bertujuan mewujudkan platform kepada Ketua-ketua Unit WTD untuk memberi cadangan penambahbaikan terhadap penguatkuasaan WTD. Mesyuarat ini juga membincangkan isu-isu berkenaan pengurusan dan penguatkuasaan WTD bagi memastikan pengurusan dan penguatkuasaan WTD dipertingkatkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Mesyuarat Penolong Pendaftar (MPP) WTD telah diadakan dua (2) kali dan dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia selaku Pendaftar WTD. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi) selaku Timbalan Pendaftar WTD, Pengarah BPOPP, Pengarah BWTD, Penolong Pendaftar JANM Negeri dan wakil JANM Negeri serta pegawai BWTD yang berkaitan. Mesyuarat ini membincangkan berkaitan isu dasar serta operasi penguatkuasaan WTD bagi memastikan program penguatkuasaan berjalan lancar.

Jalinan Kerjasama Strategik

BWTD telah mengadakan jalinan kerjasama strategik dengan beberapa agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 18 Jun 2020 dan Bank Negara Malaysia pada 12 Ogos 2020 dalam usaha meningkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

Simulasi Pemulihan Bencana Aplikasi SPWTD

Satu (1) simulasi pemulihan bencana aplikasi untuk Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (SPWTD) telah diadakan bersama BPTM pada 24 Disember 2020. Simulasi yang diadakan secara sidang video ini bertujuan menguji dan memastikan Pelan Pengurusan Pemulihan Bencana (DRMP) dan Pelan Teknikal Pemulihan Bencana (DRTP) adalah berfungsi sepertimana yang dirancang. Simulasi yang bermula jam 10.00 pagi ini telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh 2 jam 30 minit berbanding sasaran 4 jam.




Sekitar Sesi Simulasi

Statistik Serahan Wang Tak Dituntut (WTD)

Pada tahun 2020, sebanyak 1,820 bilangan serahan daripada pelbagai syarikat/firma telah diterima oleh BWTD dengan jumlah terimaan sebanyak RM933.1 juta, meningkat 8.5% berbanding serahan tahun 2019 iaitu berjumlah RM860.3 juta daripada 1,802 bilangan serahan. Peningkatan jumlah terimaan WTD dari tahun ke tahun merupakan hasil peningkatan kesedaran syarikat/firma terhadap peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965.


Sehingga 31 Disember 2020 baki WTD yang boleh dituntut berjumlah RM9.4 billion termasuk RM2.1 billion yang telah diselaraskan ke Akaun Hasil Disatukan.



Carta 15 : Jumlah Terimaan WTD Dari Tahun 2018 Hingga 2020


Bayaran Permohonan Tuntutan Wang Tak Dituntut (WTD)

Sebanyak RM262.03 juta jumlah bayaran balik WTD telah diproses bagi permohonan yang diterima pada tahun 2020. Ia merangkumi jumlah bayaran bagi akaun amanah sebanyak RM252.55 juta dan akaun bayaran balik hasil (Vot T12) sebanyak RM9.48 juta. Carta 16 menunjukkan jumlah bayaran balik WTD bagi tahun 2016 hingga 2020. Peningkatan jumlah bayaran balik WTD daripada tahun 2016 hingga 2020 adalah kerana peningkatan kesedaran orang awam terhadap Wang Tak Dituntut serta pelaksanaan semakan dan tuntutan dalam talian melalui sistem eGUMIS.



Carta 16 : Jumlah Bayaran Balik Wang Tak Dituntut Bagi Tahun 2016 Hingga 2020

Pelaksanaan Sistem eGUMIS



Pada 1 Januari 2020, semakan WTD dalam talian melalui sistem eGUMIS telah dilancarkan dan pada 16 Julai 2020, tuntutan WTD juga telah dilancarkan. Sehingga 31 Disember 2020, jumlah pelawat sistem eGUMIS adalah berjumlah 7.33 juta manakala pengguna sistem eGUMIS yang telah berdaftar adalah berjumlah 2.14 juta pengguna. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 96,557 permohonan telah dikemukakan secara dalam talian.

Operasi Pejabat BWTD Cawangan UTC

BWTD Cawangan UTC di Pudu Sentral telah mula menjalankan operasi pada 15 September 2020. Sehingga 31 Disember 2020, BWTD Cawangan UTC telah menerima seramai 2,757 pelanggan sejak tarikh operasi dilaksanakan.

Aktiviti Perpindahan Pejabat BWTD

BWTD yang selama ini beroperasi di Tingkat 42, Menara Maybank, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur telah berpindah ke Aras 1 dan 2, Blok Selatan dan Aras 1 Blok Utara, Perbendaharaan 2, Putrajaya. BWTD memulakan operasi di premis baharu bermula 1 September 2020. Aktiviti perpindahan ini bermula pada 22 hingga 31 Ogos 2020. Penyerahan kunci dan ucapan penghargaan kepada Pengurusan Maybank telah disempurnakan oleh Pengarah BWTD, Tuan Haji Ayub bin Haji Zaidin kepada wakil Maybank di atas segala kerjasama yang diberikan selama ini.



Aktiviti Perpindahan Pejabat BWTD Di Menara Maybank Ke Perbendaharaan 2, Putrajaya

Majlis Apresiasi BWTD Tahun 2020

BWTD telah mengadakan Majlis Apresiasi BWTD Tahun 2020 bagi menghargai semua pegawai bertukar keluar, kakitangan sokongan dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang telah memberikan kerjasama dalam memastikan BWTD terus cemerlang. Pengarah BWTD bersama semua pegawai Pengurusan dan Profesional telah berganding bahu bagi memastikan program ini berjalan lancar. Penyampaian sijil kecemerlangan turut diberikan kepada para pekerja yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2020.



Pegawai Dan Kakitangan BWTD Bergambar Kenangan Bersama Pengarah BWTD

BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN BA MOF

Taklimat Garis Panduan Perakaunan Pengurusan Dan Laporan SMART Anjuran Bersama PPPA

Pada 6 Februari 2020, satu sesi taklimat mengenai Garis Panduan Perakaunan Pengurusan dan Format Laporan SMART telah diadakan di Dewan Serbaguna, JANM dengan kerjasama PPPA. Tujuan taklimat ini diadakan adalah bagi memberi pemahaman yang jelas kepada semua kementerian mengenai Garis Panduan Perakaunan Pengurusan dan Format Laporan SMART. Taklimat telah disampaikan oleh pegawai dari Seksyen Perakaunan Pengurusan BA MOF merangkumi empat (4) elemen Perakaunan Pengurusan iaitu Analisis Penyata Kewangan & Penilaian Risiko, Pengekoston, Pengukuran Prestasi dan Analisis Sumber. Di samping itu, perincian mengenai kandungan Laporan SMART turut diberikan kepada Kementerian sebagai panduan untuk melaksanakan proses analisis dan persediaan pelaksanaan Perakaunan Pengurusan.

Bengkel Perakaunan Pengurusan: Analisis Penyata Kewangan Dan Penilaian Risiko Anjuran Bersama PPPA

Bengkel Perakaunan Pengurusan: Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko telah diadakan dalam dua (2) sesi iaitu sesi pertama pada 16 hingga 18 Mac 2020 di Avillion Admiral Cove Port Dickson, Negeri Sembilan manakala sesi kedua pada 20 hingga 23 September 2020 di Symphony Suite Hotel, Ipoh, Perak. Ia merupakan kerjasama di antara BA MOF dan PPPA, di mana BA MOF telah diberi tanggungjawab sebagai penceramah dan fasilitator dalam bengkel ini.

Bengkel siri pertama telah disertai seramai 31 orang peserta, manakala bengkel siri kedua pula disertai seramai 46 orang peserta dari kementerian serta JANM Negeri dan Cawangan. Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada Pegawai Perakaunan di kementerian serta JANM Negeri dan Cawangan mengenai pelaporan SMART agar mereka berupaya melaksanakan Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko yang merupakan salah satu komponen dalam Perakaunan Pengurusan.

Mesyuarat Isu Operasi Bahagian Akaun Kementerian Kewangan Dan Penutupan Akaun Akhir Tahun 2020 Bersama Maybank Berhad Bil. 1/2020

BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Isu Operasi Bahagian Akaun Kementerian Kewangan dan Penutupan Akaun Akhir Tahun 2020 bersama Maybank Berhad Bil. 1/2020 pada 17 Disember 2020 secara dalam talian. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah BA MOF, YBrs. Puan Zainani binti Jusoh. Ahli mesyuarat melibatkan wakil dari Ibu Pejabat Maybank Berhad, Maybank Cawangan Putrajaya, dan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Tujuan mesyuarat adalah bagi membincangkan isu-isu operasi BA MOF dan SOP Penutupan Akaun Akhir Tahun 2020 supaya ianya berjalan lancar seiring dengan hasrat JANM.



Mesyuarat Isu Operasi Bahagian Akaun Kementerian Kewangan Dan Penutupan Akaun Akhir Tahun 2020 Bersama Maybank Berhad Bil. 1/2020

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 1/2020

BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 1/2020 pada 18 Jun 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Blok Tengah, Kementerian Kewangan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), YBhg. Dato' Othman bin Semail.

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 2/2020

BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 2/2020 pada 11 Disember 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Blok Tengah, Kementerian Kewangan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Dato' Asri bin Hamidon.



Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 2/2020 Di Kementerian Kewangan

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) Di Bawah Kementerian Kewangan Bil. 1/2020

BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja SAGA Di Bawah Kementerian Kewangan Bil. 1/2020 secara maya pada 18 Disember 2020. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Encik Mohd Redzuan bin Hasan. Ahli mesyuarat melibatkan wakil dari semua agensi kerajaan di bawah Kementerian Kewangan, wakil Kementerian Kewangan serta Bahagian Khidmat Perunding (BKP), JANM.



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja SAGA Di Bawah Kementerian Kewangan

Program MS ISO 9001: 2015 BA MOF

Bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti di BA MOF dapat dikekalkan demi mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, beberapa aktiviti ISO telah dilaksanakan pada tahun 2020. Dengan komitmen berterusan daripada semua warga kerja BA MOF dalam menjayakan aktiviti-aktiviti ISO yang telah dirancang, sekali lagi Bahagian ini telah berjaya memperolehi pensijilan MS ISO 9000:2015 daripada audit luar Platinum Shauffmants Veritas (PSV). Audit *Surveillance* telah dilaksanakan pada 2 September 2020 dan Sijil MS ISO 9001:2015 BA MOF telah berjaya dikekalkan sehingga Mei 2021. Berikut adalah antara program MS ISO yang telah dilaksanakan pada tahun 2020.



Kursus Pemahaman Dan Bimbingan Audit Dalam MS ISO 9001:2015 Di JANM Putrajaya



Sesi Merekayasa MS ISO 9001:2015 Bersama BWTD, JANM



Mesyuarat Semakan Semula Dokumentasi SPK Di PICC Putrajaya



Audit Pensijilan (*Surveillance*) MS ISO 9001: 2015 Tahun 2020 BA MOF

Kursus Anjuran BA MOF Sepanjang Tahun 2020

BA MOF telah mengadakan kursus-kursus kewangan dan perakaunan kepada PTJ di bawah seliaan BA MOF seperti berikut:

Bil	Tajuk Latihan	Tarikh
1	Kursus Carta Akaun Akruan	25 – 26 Feb 2020
2	Kursus Perakaunan Akruan (Asas)	1 – 2 Jul 2020
3	Kursus MPSAS Persembahan Penyata Kewangan	18 – 19 Ogos 2020
4	Kursus iGFMAS: Perakaunan Aset	28 – 29 Sep 2020

Jadual 39 : Kursus Anjuran BA MOF Sepanjang Tahun 2020



Kursus Perakaunan Akruan (Asas) Di IPN CPD, Cyberjaya



Kursus MPSAS Persembahan Penyata Kewangan Di IPN CPD, Cyberjaya



Kursus iGFMAS Perakaunan Aset Di IPN CPD, Cyberjaya

PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN PPPA

Mesyuarat Penyemakan Draf Garis Panduan, Pelaksanaan Perakaunan Akruan – Perakaunan Kontrak Jaminan Kewangan Kerajaan

Mesyuarat ini telah diadakan pada 27 hingga 29 Ogos 2020 di eRYA by SURIA Hot Spring Bentong, Pahang dengan tujuan untuk memuktamadkan Draf Garis Panduan Pelaksanaan Perakaunan Akruan – Perakaunan Kontrak Jaminan Kewangan Kerajaan, mengenal pasti isu-isu operasi dalam Perakaunan Kontrak Jaminan Kewangan Kerajaan dan menyemak serta mengkaji semula polisi sedia ada sekiranya memerlukan penambahbaikan atau penyelarasan berdasarkan draf garis panduan. Aktiviti ini telah dihadiri oleh Ahli *Task Based Group*-Jaminan Kerajaan (TBG-GG) dan Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan (SID, MOF).



Mesyuarat Penyemakan Draf Garis Panduan Di Bentong, Pahang

Bengkel Pindaan Manual Perakaunan Akruan (MPA)

Bengkel ini telah diadakan sebanyak dua (2) siri iaitu pada 25 dan 26 Jun 2020 serta 13 dan 14 Ogos 2020 di Dewan Serbaguna, JANM. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional dari pelbagai kementerian dan jabatan. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk mengenal pasti topik-topik perakaunan yang relevan kepada urus niaga semasa kerajaan yang memerlukan penambahbaikan, mendapatkan input serta membincangkan dengan mendalam senario perakaunan dan kod perakaunan yang bersesuaian di kementerian/jabatan/PTJ. Ini agar dapat dijelaskan dalam MPA untuk pemakaian olahan perakaunan yang lebih konsisten. Selain itu, ia juga bagi memastikan pewujudan senario baharu dan sedia ada adalah selaras dengan interpretasi polisi perakaunan akruan dengan membuat rujukan silang mana yang berkaitan dan menyenaraikan apa-apa rujukan berkaitan untuk membantu memudahkan pengguna MPA.



Bengkel Pindaan Manual Perakaunan Akruan Siri 2/2020

Mesyuarat Perakaunan Dan Pelaporan Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Mesyuarat ini telah diadakan pada 6 hingga 8 September 2020 di Hotel Pantai Puteri, Melaka. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mewujudkan platform bagi membincangkan keseragaman dasar dan panduan yang bersesuaian dan tepat di dalam melaksanakan perakaunan akruan hasil cukai LHDNM selari dengan pelaporan akruan Kerajaan Persekutuan/JANM. Di samping itu, *knowledge sharing* berkaitan isu dan amalan perakaunan akruan hasil cukai LHDNM yang akan dilaksanakan serta penambahbaikan ke atas amalan semasa di LHDNM. Mesyuarat juga diadakan untuk memberi pendedahan ke atas pelaksanaan perakaunan akruan hasil cukai LHDNM yang akan dilaksanakan pada tahun 2021. Dasar dan Garis Panduan Pelaporan Perakaunan Akruan Cukai LHDNM akan diselaraskan dengan polisi dan garis panduan perakaunan akruan JANM bersesuaian dengan pembangunan Sistem e-Billing dan Sistem Perakaunan Akruan.

Mesyuarat Awareness Perakaunan Pengurusan

Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil dari setiap kementerian/jabatan dan bahagian pada 6 Februari 2020 di Dewan Serbaguna, JANM. Objektif mesyuarat adalah bagi memberi pendedahan berhubung pelaksanaan Perakaunan Pengurusan dan peranan pegawai perakaunan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan tersebut.

Kursus Perakaunan Pengurusan: Analisa Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko Siri 1 & Siri 2

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai perakaunan berkaitan Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko yang merupakan elemen dalam Perakaunan Pengurusan. Selain itu, ia bertujuan bagi memastikan pegawai perakaunan berupaya untuk melaksana dan menjayakan Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko bagi kementerian dan JANM Negeri/Cawangan masing-masing. Maklumat ringkas penganjuran latihan adalah seperti berikut:

Bil	Program	Tarikh	Lokasi	Bilangan Peserta
1	Siri 1	15 – 17 Mac 2020	Hotel Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan	50
2	Siri 2	20 – 22 Sep 2020	Symphony Suites Hotel, Ipoh, Perak	52

Jadual 40 : Maklumat Kursus Perakaunan Pengurusan: Analisa Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko

Taklimat Dashboard Business Warehouse Business Intelligent (BWBI) Kepada Pengurusan Tertinggi JANM

Taklimat ini telah diadakan pada 3 Julai 2020 di Bilik Gerakan, JANM yang disertai oleh Pengurusan Tertinggi dan Pengarah Bahagian JANM. Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan akses Dashboard BWBI menggunakan tablet. Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Siti Khatijah binti Shamsuddin dari BPTM.

Bengkel Cadangan Pindaan Arahan Perbendaharaan (AP) Siri 1 Dan Siri 2

Bengkel ini bertujuan membincangkan tentang perkara-perkara seperti cadangan pindaan dan semakan keseluruhan Arahan Perbendaharaan (AP), pembentangan cadangan pindaan AP bagi elemen Ekuiti, Liabiliti dan Perakaunan Pengurusan serta memuktamadkan cadangan Pindaan AP bagi tujuan pembentangan kepada Pengurusan Tertinggi JANM. Maklumat ringkas bengkel adalah seperti berikut:

Bil	Program	Tarikh	Lokasi
1	Bengkel Cadangan Pindaan Arahan Perbendaharaan – Siri 1	9 – 11 Ogos 2020	Hotel Grand Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan
2	Bengkel Cadangan Pindaan Arahan Perbendaharaan – Siri 2	27 – 29 Sep 2020	Melia Hotel, Kuala Lumpur

Jadual 41 : Maklumat Bengkel Cadangan Pindaan Arahan Perbendaharaan (AP)



Bengkel Arahan Perbendaharaan Siri 1 & Siri 2

Proses Pengumpulan Dan Migrasi Data iGFMS

Pengumpulan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Aset dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan yang menepati kriteria pengiktirafan perakaunan akruan selaras dengan Malaysia Public Sector Accounting Standard adalah perlu dikumpul dan dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Aktiviti pengumpulan data ini perlu dilaksanakan merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 11 Tahun 2017: Polisi Peralihan Pelaksanaan Akruan Kerajaan. Garis Panduan Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan telah menetapkan tempoh masa peralihan selama tiga (3) tahun bermula dari tarikh pelaksanaan sistem iGFMS bagi mengakaunkan baki awal aset, liabiliti dan ekuiti kerajaan.

Pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti melibatkan 25 kementerian dan melibatkan PTJ di bawah seliaan kementerian di seluruh negara. Data baki awal yang dikumpulkan adalah melalui pengumpulan templat dan diperakaunkan ke dalam iGFMS melalui kaedah migrasi. Data baki awal yang terlibat adalah terdiri daripada Aset Alih, Aset Tak Alih (Tanah dan Bangunan), Aset Dalam Pembinaan, Aset Jalan Raya, Inventori, Akaun Belum Terima (Hutang Hasil, Hutang Lain & Wang Pendahuluan Kontraktor), Aset Ketenteraan, Aset Pajakan Kewangan (Aset dan Liabiliti), Aset Konsesi (Aset dan Liabiliti Pendapatan Tertunda), Aset Tak Ketara, Aset Hartanah Pelaburan, Aset Hidup, Aset Infrastruktur, Aset Biologi dan Jaminan Kerajaan.

Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Selaras dengan Strategi Pengumpulan Data Baki Awal, aktiviti Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti oleh Unit Audit Dalam Kementerian perlu dilaksanakan. Aktiviti ini memberi kesan signifikan ke atas data baki awal yang dikumpulkan oleh kementerian dalam memastikan data aset adalah terpelihara, betul dan tepat sebelum data ini boleh diperakaunkan ke dalam iGFMS.

Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti oleh Unit Audit Dalam Kementerian telah dilaksanakan kepada 25 kementerian sebanyak dua (2) kali pada tahun 2020 iaitu bagi *data cut off* pada 30 Jun 2020 dan 31 Disember 2020.

Migrasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Aktiviti migrasi data baki awal aset dan liabiliti ialah proses muat naik data yang dikumpulkan melalui templat manual daripada 25 kementerian dan bahagian JANM. Terdapat keperluan untuk memperakaunkan data induk dan data transaksi secara kaedah migrasi ke dalam iGFMS. Proses migrasi data baki awal adalah selaras dengan Garis Panduan Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan yang telah menetapkan tempoh masa peralihan selamatiga (3) tahun bermula dari tarikh pelaksanaan sistem iGFMS (1 Januari 2018). Proses migrasi data adalah untuk mengakaunkan baki awal aset, liabiliti dan ekuiti daripada 25 kementerian. Sehingga kini, data baki awal bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 telah diperakaunkan dalam iGFMS dan dilaporkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2021

Mesyuarat ini telah diadakan pada 16 hingga 18 Disember 2020 bertujuan untuk membincangkan Sasaran Kerja Tahunan bagi tahun 2021 serta pencapaian PPPA bagi tahun 2020. Mesyuarat ini telah diadakan di Dewan Serbaguna, JANM dengan penyertaan semua warga PPPA.



Mesyuarat SKT PPPA Di Dewan Serbaguna, JANM



LAPORAN AKTIVITI

MAJLIS BERSAMA JABATAN
MBJ

MAJLIS BERSAMA JABATAN MBJ

MBJ JANM ditubuhkan pada tahun 2005 selaras dengan keperluan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992: Penyusunan Semula Majlis Bersama Kebangsaan Pekerja-pekerja Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002: Majlis Bersama Jabatan Di Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan.

MBJ JANM merupakan salah satu medium dua hala di antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan JANM. MBJ JANM juga berfungsi sebagai forum perbincangan rasmi di antara pihak pengurusan dan wakil pekerja bagi membincangkan hal-hal yang menjurus kepada kebajikan pekerja di JANM di samping mengatasi sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja. Antara perkara-perkara yang boleh dibincangkan di dalam forum meliputi isu elaun dan kemudahan, kewangan, perkhidmatan, skim perkhidmatan dan perjawatan, kebajikan, pentadbiran dan hal-hal lain. Aduan dan cadangan daripada warga kerja JANM disalurkan melalui e-mel cadangan.mbj@anm.gov.my dan akan dibincangkan serta disaring terlebih dahulu di peringkat wakil pekerja sebelum diangkat ke mesyuarat MBJ.

MBJ JANM dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada tujuh (7) orang wakil daripada pihak pengurusan dan 14 orang wakil pihak pekerja yang terdiri daripada seorang wakil dari setiap skim perkhidmatan yang bertugas di JANM. Tempoh lantikan bagi sesi 2019/2020 adalah berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2020.

AKAUNTAN  MOHAMED SYAMSUDDIN BIN MOHAMED SYAMSUDDIN (WA48) BPPP 03-8882 1118 syamsuddin@anm.gov.my	PEGAWAI TADIR & DIPLOMATIK  NASZERI BIN JAMAN (M44) BPPP 03-8882 1037 naszeri@anm.gov.my	TEKNOLOGI MAKLUMAT  ZABIR BIN HAIDER (F29) JANM NEGERI SABAH 088-324821 zabir@anm.gov.my	PENKOLONG AKAUNTAN  MOHD SYAIROL AZWAN BIN SHABUDIN (W32) BPAJ 03-8882 9669 m.syairol@anm.gov.my	PENKOLONG PEGAWAI TADIR  NOR HAYATI BINTI SUB(N29) BPPP 03-8882 1081 hayati.sub@anm.gov.my	SETIAUSAHA PEJABAT  WAN MAZLINA BINTI OTHMAN (N29) BPTM 03-8882 1330 wina.othman@anm.gov.my
LAIN-LAIN SKIM  SURIYATI BINTI SYARIF N19 (IPN) 03-3217 2151 suriyati.sharif@anm.gov.my	WAKIL MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Sesi 2019/2020				PEMBANTU OPERASI  AZAMAN BIN RANI (N11) JANM CAW BINTULU 086-312741 aza.bti@anm.gov.my
PEMBANTU AKAUNTAN  MOHD HAIIDILTHA BIN URI (W19) BPOPA 03-8882 1695 haidiltha.uri@anm.gov.my	PEMBANTU TADIR  LIONEL BIN ALFRED (N22) JANM CAW KENINGAU 087-331245 lionel.alfred@anm.gov.my	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN  ABDUL AZIZ BIN MOSLI (N19) IPN 03-32172000 aziz.mosli@anm.gov.my	PEMBANTU TADIR (K2W)  MELISSA BINTI EDRIKSON (W15) BPPP 03-8882 1065 melledrickson@anm.gov.my	PEMANGKU KENDERAAN  KHAIRUL FARIT BIN NASIR (H11) BPPP 03-8882 1795 khairulnasir@anm.gov.my	PEGAWAI KESELAMATAN  MOHAMAD HAZRI BIN JUSOH (KP11) BPPP 03-8882 1791 hazri.jusoh@anm.gov.my

Rajah 15 : Senarai Wakil Pekerja MBJ JANM Sesi 2019/2020

Mesyuarat MBJ JANM Bil. 3/2020 merupakan mesyuarat terakhir bagi wakil pekerja lantikan sesi 2019/2020. Sebagai tanda penghargaan atas komitmen yang diberikan sepanjang tempoh lantikan berkuat kuasa, satu sesi penyerahan sijil penghargaan kepada wakil pekerja telah diadakan.



Ahli Mesyuarat MBJ JANM Bil. 3/2020

Pada tahun 2020, MBJ JANM telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali. Maklumat mesyuarat adalah seperti di Jadual 42.

Bil	Tarikh	Lokasi
1	24 Feb 2020	Bilik Gerakan, JANM
2	8 Sep 2020	Bilik Gerakan, JANM
3	23 Nov 2020	Bilik Gerakan, JANM

Jadual 42 : Mesyuarat MBJ JANM Bagi Tahun 2020

Sepanjang pelaksanaan mesyuarat MBJ JANM pada tahun 2020, sebanyak 40 isu telah dibangkitkan dan sebanyak 34 isu (85%) telah berjaya diselesaikan oleh pihak pengurusan. Ringkasan penyelesaian isu adalah seperti di Jadual 43.

Jumlah Isu Dibangkitkan	Jumlah Isu Berjaya Diselesaikan	Jumlah Isu Yang Masih Tertunggak Dan Belum Diselesaikan (Selesai Tahun 2020)	Peratus Penyelesaian Isu (%)
40	34	6	85

Jadual 43 : Ringkasan Penyelesaian Isu MBJ JANM Bagi Tahun 2020



LAPORAN AKTIVITI

AKRAB

AKRAB

Tahun 2020 telah mencatat sejarah di mana negara dilanda virus Covid-19 yang secara tidak langsung telah menyekat perjalanan beberapa aktiviti tahunan yang telah dirancang. Namun begitu, semangat ahli AKRAB tidak pernah luntur dan masih lagi turut serta bagi menjayakan beberapa aktiviti yang dapat dilaksanakan ketika tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Pada 27 Julai 2020, seramai 26 orang ahli AKRAB telah menyertai Program Khidmat Masyarakat – *The Power of Giving* di mana program ini dilaksanakan bersama gelandangan di Jalan Chow Kit. Tujuan program ini adalah bagi menggalakkan penglibatan ahli AKRAB dalam aktiviti kemasyarakatan di samping mendekatkan diri dengan golongan gelandangan dan menyelami kisah kehidupan mereka. Aktiviti turun padang ini telah dijalankan dengan mengagihkan makanan kepada gelandangan dan dapat melihat sendiri bagaimana kehidupan gelandangan yang hidup di lorong-lorong.

Selain itu, aktiviti yang diadakan adalah Kembara AKRAB Zon Tengah, Zon Utara, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Kembara AKRAB adalah merupakan aktiviti yang dijalankan bersempena Taklimat Skim Penolong Akauntan di semua zon. Anggaran Penolong Akauntan yang terlibat adalah seramai 1,000 orang dan AKRAB Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan berperanan sebagai fasilitator. Refleksi bersama AKRAB bertujuan memberi kesedaran kepada warga tentang kesejahteraan psikologi dan pengurusan konflik organisasi.



Program Khidmat Masyarakat - *The Power of Giving*



Salah Satu Program Kembara AKRAB

Laporan Jumlah Sesi Bimbingan Kaunseling Sepanjang Tahun 2020

Sesi bimbingan kaunseling diadakan bagi warga JANM yang memerlukan bantuan. Walau bagaimanapun, sesi lebih banyak berbentuk sukarela. Terdapat peningkatan sebanyak 29% bilangan kes berbanding tahun 2019. Rumusan kes tahun 2020 adalah seperti berikut:

Gender	Kesihatan	Kewangan	Disiplin	Lain-lain	Jumlah
Lelaki	4	1	2	46	53
Perempuan	4	3	1	206	214
Jumlah	8	4	3	252	267

Jadual 44 : Rumusan Kes Kaunseling Pada Tahun 2020

Mesyuarat AKRAB

Mesyuarat AKRAB JANM diadakan secara berkala bagi memantau perjalanan aktiviti. Mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

Siri Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
Bil. 1/2020	17 Jan 2020
Bil. 2/2020	7 Ogos 2020
Bil. 3/2020	26 Nov 2020

Jadual 45 : Mesyuarat AKRAB JANM Pada Tahun 2020

Statistik Bilangan Ahli AKRAB & AKRAB CARE

Sehingga 31 Disember 2020, JANM mempunyai 54 orang ahli AKRAB dan 31 daripadanya merupakan ahli AKRAB CARE. Statistik ahli adalah seperti berikut:

Ahli AKRAB JANM: 54 orang			
Lelaki	22	Perempuan	32
Ahli AKRAB CARE: 34 orang			
Lelaki	9	Perempuan	22

Jadual 46 : Statistik Ahli AKRAB Tahun 2020



LAPORAN AKTIVITI

PERSATUAN

PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA

PSA

Ahli Jawatankuasa PSA Sesi 2020/2021

Presiden
: Tuan Hj. Nasran bin Omar
Timbalan Presiden
: Tuan Hj. Ayub bin Hj. Zaidin

Setiausaha Kehormat

: Encik Saly Ezmi bin Solisan

Penolong Setiausaha

: Encik Muhammad Yusri bin Abd Majid

Bendahari Kehormat

: Cik Saadiah binti Yaacob

Pengerusi Biro Ekonomi

: Encik Rusdi bin Ahmad@Ali

Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial

: Puan Murniyati binti Ramli

Timbalan Biro Ekonomi, Kebajikan dan Sosial

: Tuan Hj. Naharudin bin Saadan

Pengerusi Biro Profesional

: YBrs. Dr. N. Farahin binti Ali@Ibrahim

Timbalan Pengerusi Biro Profesional

: Puan Rohanis binti Omar

Pengerusi Biro Keahlian

: YBrs. Dr. Murni binti Subroto

Timbalan Pengerusi Biro Keahlian

: Puan Hariyanti binti Dahlan

Pengerusi Biro Komunikasi

: Encik Mohd Azizi bin Mohd Aspar

Timbalan Pengerusi Biro Komunikasi

: Encik Fazli bin Mohamed Khairuddi

Wakil Zon Tengah

: Puan Ruzinah binti Rukun

Wakil Zon Utara

: Puan Rohani binti Che Mie

Wakil Zon Selatan

: Puan Kalthom binti Salim

Wakil Zon Timur

: Encik Shahrin bin Hj. Shaari

Wakil Zon Sabah

: Encik Rosdi bin Abu

Wakil Zon Sarawak

: Puan Brenda Marajan

Wakil Pihak Berkuasa Tempatan

: Tuan Hj. Mohd Nizam bin Mahayuddin

Retreat Majlis PSA Tahun 2020

PSA telah mengadakan *retreat* untuk Ahli Majlis PSA pada 18 hingga 19 Januari 2020 bertempat di Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan bagi membincangkan hala tuju dan perancangan aktiviti PSA pada tahun 2020. Seramai 17 orang Ahli Majlis/ wakil telah hadir ke program tersebut.



Mesyuarat Penyelarasan Program PSA Tahun 2020

Kejohanan Bowling Tertutup PSA Tahun 2020

Kejohanan Bowling Tertutup PSA Tahun 2020 telah diadakan pada 23 Februari 2020 bertempat di Wangsa Bowl IOI City Mall yang disertai oleh 20 kumpulan terdiri daripada ahli-ahli PSA sekitar Lembah Klang. Kejohanan tersebut disempurnakan oleh Presiden PSA, Tuan Hj. Nasran bin Omar dan gimik kejohanan telah disempurnakan oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Encik Mohd Redzuan bin Hasan.

CIPFA Techtalk 2020

PSA dengan kerjasama CIPFA telah menganjurkan *TechTalk* bertajuk *Robotic & Digital Process Automation in Data Analytics* pada 24 Februari 2020 bertempat di IPNCPD, Cyberjaya. Program ini telah menarik penyertaan seramai 80 akauntan yang terdiri daripada ahli-ahli CIPFA di Malaysia serta akauntan di sektor awam.

Sumbangan Korporat

PSA telah menyumbangkan 69 kotak bahan makanan keperluan yang bernilai RM100.00 setiap satu kepada petugas barisan hadapan semasa Perintah Kawalan Pergerakan oleh pihak Kerajaan yang melibatkan 16 orang anggota Rela dan 53 orang Pengawal Keselamatan yang berkhidmat di JANM dan Perbendaharaan Malaysia.



Penyerahan Sumbangan Kepada Wakil Anggota Rela dan Pengawal Keselamatan Disempurnakan Oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-31 Tahun 2020

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PSA Ke-31 telah diadakan pada 15 September 2020 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Seramai 84 orang ahli dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi telah hadir ke mesyuarat tersebut.

PERSATUAN PENOLONG AKAUNTAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA **PERPENA**

Ahli Jawatankuasa Sesi 2018/2020

Penaung	: YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
Penasihat	: YBrs. Encik Sadikin bin Aton
Presiden	: Encik Mohd Syairol Azwan bin Shabudin
Timbalan Presiden	: Puan Zetiakmal binti Abdul Muiz
Setiausaha	: Puan Raja Saadiah binti Alwee
Penolong Setiausaha	: Puan Putri Nur Aslina binti Tengku Khariman
Bendahari	: Encik Marlizan bin Ma'arof
Biro Perhubungan	: Encik Abdul Samad bin Asmawi
	: Encik Mohd Ridzal bin Md Yusof
Biro Korporat	: Puan Suhazlinda binti Mohamed
	: Puan Misrah binti Jais
Biro Kebajikan	: Puan Suhaila binti Md Salim
	: Encik Muzzaffar Shah bin Soleh
Biro Program dan Aktiviti	: Encik Wan Mohammad Hizal bin Wan Zainal
	: Encik Muhammad Shahidan Ameer bin Hammad
Biro Teras Perkhidmatan	: Encik Amrul Fazli bin Mohamad
	: Puan Zuliza binti Razali
Biro Tugas-tugas Khas	: Encik Muhammed Noor Akhbar bin Abdul Rahim
Biro Informasi dan Keahlian	: Encik Mohd Saiful bin Ali
	: Puan Siti Sahidayu binti Abu Bakar
Juruaudit Dalaman	: Puan Vasugi M.Sethu
	: Puan Kamsiah binti Kasim

Program *Retreat* PERPENA 2020

PERPENA telah menganjurkan program *retreat* PERPENA yang bertujuan untuk menjadi medan membincangkan hala tuju dan pengisian program PERPENA bagi tahun 2020. Di samping itu, ianya bertujuan untuk merapatkan ukhuwah sesama ahli dan menjadi proses percambahan idea bagi kecemerlangan PERPENA.

Program ini telah diadakan di Hotel Tamu, Kuala Lumpur pada 31 Januari hingga 2 Februari 2020. Seramai 12 orang Ahli Jawatankuasa termasuk Duta Negeri telah menghadiri program *retreat* tersebut.

Berikutan pandemik Covid-19 yang melanda negara pada Mac 2020, pihak PERPENA tidak berkesempatan mengadakan program-program yang telah dirancang kerana mematuhi arahan dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara.

PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA **PERBAKTI**

Ahli Jawatankuasa PERBAKTI Tahun 2020

Penaung	: YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
Penasihat	: YBrs. Tuan Haji Zaharin bin Othman
Yang Dipertua	: Encik Ahmad Hilmi bin Abd Wahab
Naib Yang Dipertua	: Encik Mohd Hairildha bin Urif
Setiausaha	: Puan Ramsuhaida binti Ramli
Penolong Setiausaha	: Encik Mohd Azrizal bin Zawin Anuar
Bendahari	: Encik Arbain bin Talib
Penolong Bendahari	: Puan Nor Azwa binti Ahmad Adnan
Ahli Jawatankuasa	: Encik Nazhir bin Musa
	: Encik Alias bin Che Rose
	: Encik Mohd Hanafi bin Sanusi
	: Encik Ahmad Izudin bin Mahmood Dean
	: Encik Norfeedaues bin Che Omar
	: Puan Rabiatal Adawiyah binti Mustafa
	: Puan Wan Noor Rizam binti Wan Aziz
	: Puan Norfaizah binti Safarizan
Wakil Zon Utara	: Puan Izza Muslina binti Ismail
Wakil Zon Timur	: Encik Nik Suhaimi bin Nik Zakaria
Wakil Zon Barat	: Encik Mohd Hairul Shahril bin Jaafar
Wakil Zon Selatan	: Encik Wan Mohd Zuhdi bin Wan Yusof
Wakil Sabah	: Encik Abd Hamid bin Arbin
Wakil Sarawak	: Encik Gunggang ak Chendan
Wakil Labuan	: Puan Norieta binti Hambali
Pemeriksa Kira-kira I	: Puan Zainorah binti Ali
Pemeriksa Kira-kira II	: Puan Junainah Hanim binti Othman

Mesyuarat Agung Tahunan PERBAKTI Kali Ke-10

PERBAKTI telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-10 pada 5 Mac 2020 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Mesyuarat Agung Tahunan PERBAKTI Kali Ke-10 telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Jafri bin Junit selaku Penasihat PERBAKTI tahun 2019. Seramai 98 orang ahli PERBAKTI telah hadir pada mesyuarat kali ini. Ahli Jawatankuasa baharu bagi tahun 2020 telah dipilih semasa Mesyuarat Agung kali ini.

Kursus Kepimpinan Ahli Jawatankuasa PERBAKTI Tahun 2020

PERBAKTI telah mengadakan Kursus Kepimpinan Ahli Jawatankuasa PERBAKTI pada 17 hingga 19 Ogos 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, JANM yang melibatkan 23 orang Ahli Jawatankuasa PERBAKTI sesi 2020/2021.



Kursus Kepimpinan Ahli Jawatankuasa PERBAKTI Tahun 2020

Pertandingan Keceriaan Tangga Dan *Funstairstic Day*

BA MOF telah menganjurkan Pertandingan Keceriaan Tangga dan *Funstairstic Day* sebagai salah satu aktiviti Jawatankuasa Inovasi dan Integriti JANM. PERBAKTI telah dipilih untuk menghias ruang tangga Aras 2, Zon 2 di bangunan Ibu Pejabat JANM.

Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mempromosikan kesihatan dan menggalakkan warga JANM membudayakan gaya hidup yang aktif di tempat kerja. PERBAKTI telah memilih tema 'Sayangi Jantung Anda' untuk pertandingan kali ini.

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA **PUSPANITA**

Ahli Jawatankuasa PUSPANITA JANM Tahun 2020

Pengerusi	: YBhg. Datin Rugayah binti Mohd Zin
Timbalan Pengerusi I	: Puan Zalizah binti Nawli
Timbalan Pengerusi II	: Puan Norhayati binti Osman
Biro Khas	: Puan Fatniza binti Che Ani

Bendahari	: Puan Zuriyanti binti Abd Hamid
Penolong Bendahari	: Puan Norazwin binti Zainal
Setiausaha	: Cik Siti Mariam binti Mat Noh
Penolong Setiausaha	: Puan Intan Yusniazura binti Mohamed Yusop
Biro Ekonomi dan Keahlian	: Cik Melissa Edrickson
	: Puan Noorhafizah binti Aziz
	: Puan Zunainah binti Tajudin
Biro Kebajikan dan Agama	: Puan Hasmah binti Darmawi
	: Puan Mas Ayu binti Johari
	: Puan Rosmiza binti Che Azmi
	: Puan Nor Azneyani binti Zakaria
Biro Pendidikan dan Kesihatan	: Puan Siti Hajar binti Paiman
	: Puan Roslina binti Mat Rejab
Biro Sukan dan Sosial	: Puan Zuliza binti Razali
	: Puan Roszalina binti Ruslan
Biro Promosi dan Publisiti	: Puan Norzila binti Ngadiman
	: Puan Liliwaty binti Abdul Rahman
	: Puan Masitah binti Ab Ghani

Program Kunjung Hormat PUSPANITA JANM Ke PUSPANITA Sabah

Program Kunjung Hormat ke PUSPANITA Sabah telah diadakan pada 21 Februari 2021 di Wisma PUSPANITA, Kota Kinabalu, Sabah. YBhg. Datin Rugayah binti Mohd Zin, Pengerusi PUSPANITA JANM yang mengetuai delegasi telah disambut oleh YBhg. Datin Hajah Nuinda binti Haji Alias, Pengerusi PUSPANITA Sabah. Program dimulakan dengan sesi perkenalan, ringkasan aktiviti yang telah dijalankan dan membincangkan aktiviti usaha sama yang boleh dijalankan pada masa hadapan.

Program E-Tadarus Al-Quran PUSPANITA : Semarak Ramadan 1441H

Program E-Tadarus Al-Quran PUSPANITA dianjurkan oleh PUSPANITA Kebangsaan. PUSPANITA JANM selaku Biro Agama PUSPANITA Kementerian Kewangan (MOF) telah bertindak sebagai *host* bagi menjayakan program ini. E-Tadarus PUSPANITA Kementerian Kewangan diadakan pada 12 Mei 2020 secara dalam talian. Seramai 15 peserta dari semua jabatan dan agensi yang bernaung di bawah PUSPANITA MOF telah menyertai E-Tadarus ini dengan pimpinan Puan Julia Kasdi dari JANM.

Flag-Off Program CSR PUSPANITA JANM Ke Pertubuhan Kebajikan Warga Emas Al-Fattah

Program CSR PUSPANITA JANM telah dilancarkan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia merangkap Penasihat PUSPANITA JANM. Majlis diadakan pada 21 Mei 2020 di Ruang Legar Pejabat Akauntan Negara dan disaksikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Pengarah-pengarah Bahagian dan Jawatankuasa Tertinggi PUSPANITA JANM. Acara bermula dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Rozaimi bin Idris dan taklimat ringkas berkenaan Pertubuhan Kebajikan Warga Emas Al-Fattah, Semenyih oleh Puan Zalizah Naw, Timbalan Pengerusi I, PUSPANITA JANM. Pemilihan Pertubuhan Kebajikan Warga Emas Al-Fattah ini adalah bagi membantu meringankan pengurusan dan memastikan kebajikan dan keperluan warga emas di rumah kebajikan ini mencukupi.

Program CSR PUSPANITA JANM Ke Pertubuhan Kebajikan Warga Emas Al-Fattah, Semenyih, Selangor

Program CSR PUSPANITA ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 21 Ogos 2020. Pertubuhan Kebajikan Warga Emas Al-Fattah yang terletak di Semenyih, Selangor ini menempatkan warga emas berbilang kaum yang hilang tempat tinggal mahupun yang tidak mempunyai penjaga. PUSPANITA JANM telah menyerahkan barangan berbentuk makanan, katil, cadar, tilam dan juga wang tunai hasil kutipan daripada seluruh warga JANM.

Majlis Agihan Zakat Wakalah

Majlis diadakan pada 26 Ogos 2020 bertempat di Surau Al-Fateh, Batu Rakit, Terengganu. Kelab Sukan & Kebajikan JANM Negeri Terengganu dengan kerjasama PUSPANITA JANM Terengganu telah diberi tanggungjawab untuk membuat agihan zakat kepada golongan yang layak. Carian penerima agihan zakat kali ini telah diuruskan oleh PUSPANITA JANM Terengganu. Sasaran penerima kali ini adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada 17 orang ibu tunggal, tujuh (7) orang warga emas yang uzur dan tidak mempunyai keupayaan untuk bekerja bagi menjana pendapatan dan enam (6) orang yang kurang berkemampuan.



Flag-Off Program CSR PUSPANITA



Program Agihan Zakat

JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

JHEAIN

Ahli Jawatankuasa JHEAIN Tahun 2020

Pengerusi : Tuan Hj. Rozaimi bin Idris
Timbalan Pengerusi : Encik Sharizon bin Salleh

Setiausaha	: Encik Amirul Sufri bin Mohd Saharudin (Sehingga 31 Julai 2020)
	: Encik Ahmad Muhyiddin bin Hashim (Mulai 1 Ogos 2020)
Penolong Setiausaha	: Puan Nur Aisyah Aleya binti Abdullah Peter Legi
Bendahari Kehormat	: Encik Osman bin Mantali
Penolong Bendahari I	: Encik Shahrul Anwar bin Sahar
Ketua Biro Dana/Ekonomi	: Encik Mohd Nazi bin Mat Yusoff
Ketua Biro Dakwah	: Encik Naharudin bin Saadan
Ketua Biro Muslimat	: Puan Zyerullida binti Shahrudin
Ketua Biro Seranta	: Encik Wan Mohd Aswad bin Wan Harun
Ketua Biro Surau/Kebajikan	: Encik Mohd Taufik bin Hj. Ahmad

Aktiviti JHEAIN Tahun 2020

Selaras dengan peranan JHEAIN dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti kerohanian, sebanyak sembilan (9) program telah dirancang sepanjang tahun 2020. Objektif utama penganjuran program-program tersebut adalah bagi memperingati dan meraikan hari-hari kebesaran dalam Islam, menghayati dan mengamalkan nilai murni berlandaskan syariat Islam dalam menjalankan tugas seharian di samping memupuk sifat pembudayaan ilmu secara berterusan di kalangan warga JANM.

Walau bagaimanapun, aktiviti yang telah dirancang ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya memandangkan Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020. Segala aktiviti yang melibatkan orang ramai seperti perhimpunan tidak dibenarkan diadakan. Antara aktiviti yang dapat dilaksanakan pada tahun 2020 adalah Majlis Bacaan Yasin Perdana bersama YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia. Majlis ini telah diadakan pada 17 Januari 2020 bertempat di Surau JANM dan dihadiri seramai 150 orang peserta.

Selain itu, pihak JHEAIN telah menyediakan sudut *Food Bank* di Surau JANM. Program ini dilaksanakan bagi membantu warga JANM yang memerlukan khususnya dalam menghadapi cabaran tempoh pandemik Covid-19 ini. Antara bahan makanan yang disediakan adalah seperti tepung, gula, beras, minyak masak, sardin dan biskut.



Food Bank Yang Disediakan Di Surau JANM

The background of the entire page is a photograph of a modern, multi-story building with a grid-like facade. A semi-transparent purple overlay covers the entire image. The building has several windows and a flag is visible on the left side. The text 'LAPORAN AKTIVITI' is written in large, bold, yellow capital letters across the middle of the image.

LAPORAN AKTIVITI

KELAB

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BERKAT

Ahli Jawatankuasa BERKAT Sesi 2020/2021

Pengerusi : **YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa**
Timbalan Pengerusi : **YBrs. Encik Sadikin bin Aton**

Setiausaha	: Puan Noor Azlina binti Che Jian
Penolong Setiausaha	: Encik Mohd Izzuddin bin Jasni
Bendahari	: Encik Osman bin Mantali
Penolong Bendahari	: Encik Aliff Haikal bin Kamaruddin
Pengerusi Jawatankuasa	: Encik Ahmad Danial bin Hasbullah (Keahlian)
	: Encik Mohd Azizi bin Mohd Aspar (Promosi dan Komunikasi)
	: Puan Murniyati binti Ramli (Kebajikan)
	: Encik Mohd Asri bin Yusof (Pendidikan)
	: Puan Gloria Angela James Noah (Sosial)
	: Encik Mohd Nazri bin Hassan (Kesihatan)
Pemeriksa Kira-kira	: Encik Abdul Majid bin Salleh
	: Puan Hatimah binti Hamid

BERKAT merupakan pertubuhan bertaraf kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang bermatlamat untuk menjalankan aktiviti kebajikan kepada ahli-ahlinya.

Keahlian BERKAT adalah automatik bagi semua anggota yang berkhidmat di JANM dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun ke atas serta warganegara Malaysia.

Sumber kewangan BERKAT diperolehi daripada yuran bulanan ahli seperti mana tertakluk dalam Fasal 6, Perlembagaan BERKAT seperti berikut:

Gred	Kadar Bulanan
JUSA ke atas	RM20.00
Gred 48 – 54	RM10.00
Gred 30 – 44	RM6.00
Gred 1 – 29	RM2.00

Jadual 47 : Yuran Bulanan Ahli BERKAT Mengikut Gred Jawatan

Keahlian secara automatik dan potongan yuran bulanan ini memberi peluang kepada semua ahli menyumbang kepada ahli lain yang memerlukan.

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan BERKAT Kali Ke-10 Sesi 2018/2019 telah diadakan pada 18 Ogos 2020 bagi tujuan menerima laporan jawatankuasa, laporan Bendahari dan melantik Jawatankuasa baharu bagi sesi 2020/2021 selain membentangkan maklum balas, syor/cadangan/usul ahli-ahli BERKAT.

Aktiviti BERKAT

Sepertimana tahun-tahun sebelumnya, aktiviti BERKAT adalah tertumpu kepada aktiviti kebajikan dan sumbangan kepada ahli-ahli berdasarkan kepada Garis Panduan Sumbangan BERKAT seperti berikut:

Kebajikan	Pendidikan	Sosial	Kesihatan
Bantuan bencana alam kepada semua ahli yang terkesan	Bantuan persekolahan kepada anak ahli yang berpendapatan seisi rumah RM4,000 dan ke bawah	Bantuan perayaan utama mengikut agama/kaum kepada anak-anak ahli yang berpendapatan seisi rumah RM4,000 dan ke bawah	Bantuan kesihatan teruk/kritikal, kecederaan parah akibat kemalangan, peralatan sokongan (jika tiada kemudahan Kerajaan) dan kemasukan wad kepada semua ahli dan keluarga ahli (suami/isteri/anak)
Bantuan kematian ahli kepada waris ahli			
Bantuan kematian keluarga ahli (suami/isteri/ibu dan bapa kandung/anak) kepada semua ahli yang terkesan	Anugerah kecemerlangan peperiksaan kepada semua anak ahli		
Bantuan kesusahan lain kepada semua ahli yang terkesan	Bantuan kemasukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) kali pertama kepada anak ahli yang berpendapatan seisi rumah RM4,000 dan ke bawah		

Jadual 48 : Garis Panduan Sumbangan BERKAT

Pada tahun 2020, sebanyak 640 permohonan diterima berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 745 permohonan. Sebanyak 617 permohonan berjaya mematuhi kriteria kelayakan bantuan melibatkan jumlah bantuan sebanyak RM124,580.00.


Pada tahun 2020 juga, bantuan *one-off* COVID-19 susulan pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah disalurkan kepada 138 ahli yang terkesan dengan jumlah bantuan sebanyak RM27,600.

Pecahan permohonan berbanding kelulusan bantuan serta amaun kelulusan yang telah selesai dibayar mengikut kategori bantuan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Kategori Bantuan	Permohonan	Kelulusan	Jumlah Bayaran (RM)
Sosial	132	127	24,120.00
Kebajikan	228	218	54,500.00
Kesihatan	132	127	19,250.00
Pendidikan	148	145	26,710.00
Jumlah	640	617	124,580.00

Jadual 49 : Pecahan Permohonan, Kelulusan Dan Bayaran Mengikut Kategori Bantuan Tahun 2020

Pecahan pembayaran keseluruhan bantuan BERKAT tahun 2020 adalah seperti berikut:



Carta 17 : Pecahan Bayaran Mengikut Kategori Bantuan Tahun 2020

KELAB SUKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA **KESAN**

Ahli Jawatankuasa KESAN Tahun 2020

Yang Dipertua : YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan
Naib Yang Dipertua : Encik Azeman bin Miskah

Setiausaha Kehormat : Encik Mohd Shahrul Reza bin Mohd Ali
Bendahari Kehormat : Cik Zarfilla binti Mohd Ajil
Penolong Setiausaha : Encik Armi Arfifi bin Azmi
Penolong Bendahari : Puan Ratna Dewi binti Nursal
Ahli Jawatankuasa : Datin Arpah binti Jais@Hj. Mhd Dahlan
: Encik Norjayadi bin Musleh
: Encik Muhamad Hanif bin Baharuddin
: Encik Muhammad Ikram bin Abdul Karim
: Encik Megat Muhamad Raihan bin Wan Abd Rashid
: Encik Sivasunthar a/l Pasubalan
: Encik Mohamad Fareez bin Abd Wahab
: Encik Mohd Asna bin Kamarulzaman

Program Jom Jogging

Program ini telah diadakan pada 22 Julai 2020 bersama ahli KESAN yang melibatkan seramai 20 orang peserta. Aktiviti dimulakan dengan senaman ringan yang diketuai oleh Encik Sivasunthar. Aktiviti tersebut diadakan di Taman Wawasan, Putrajaya dan bermula selepas waktu bekerja dan berakhir pada jam 7 malam.

Program Ken'Durian'

Program Ken'Durian' telah diadakan pada 3 Julai 2020 di perkarangan belakang kafeteria JANM. Program bermula pada jam 3 petang sehingga buah durian habis diedarkan. Sebanyak 1,200kg durian dibekalkan kepada ahli KESAN. Program julung kali diadakan sempena suasana musim durian pada ketika itu. Wakil bahagian BWTD dan IPN Sabak Bernam turut hadir untuk mengambil agihan untuk ahli KESAN di bahagian tersebut.

Kejohanan Sukan Bahagian (SAB) JANM

Kejohanan Sukan Bahagian JANM Tahun 2020 telah diadakan pada 22 Februari hingga 13 Mac 2020 bertempat di Ibu Pejabat JANM Putrajaya dan di kawasan sekitarnya. Keputusan keseluruhan Kejohanan SAB Tahun 2020 adalah seperti berikut:

Kedudukan	Pasukan	Pingat	Kutipan Mata
Johan	IRIZ	4 Emas, 4 Perak, 3 Gangsa	90 mata
Naib Johan	WAJA	4 Emas, 4 Perak, 1 Gangsa, 2 Tiruan	87 mata
Ketiga	SAGA	2 Emas, 2 Perak, 3 Gangsa, 4 Tiruan	66 mata
Keempat	WIRA	1 Emas, 1 Perak, 4 Gangsa, 5 Tiruan	57 mata

Jadual 50 : Keputusan Keseluruhan Kejohanan SAB Tahun 2020

Program Kembara Merdeka KESAN 1.0 2020

Program Kembara Merdeka KESAN 1.0 ke IPN Sabak Bernam yang bertemakan 'Konvoi Ukhuwah' telah diadakan pada 28 Ogos 2020. Program tersebut diadakan bersempena menyambut bulan kemerdekaan dan bertujuan untuk merapatkan ukhuwah di antara semua kakitangan JANM. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua KESAN, YBr. Encik Mohd Redzuan bin Hasan.



Peserta Yang Menyertai Program Kembara Merdeka KESAN 1.0 2020 Bergambar Kenangan Bersama Yang Dipertua KESAN



AHLI JAWATANKUASA

AHLI JAWATANKUASA LAPORAN AKTIVITI JANM 2020

Penaung	: YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa Akauntan Negara Malaysia
Penasihat	: YBrs. Encik Sadikin bin Aton Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Pengerusi	: YBrs. Tuan Hj. Zaharin bin Othman Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

Ahli Jawatankuasa	: Puan Noor Azlina binti Che Jian	(Wakil SPKP, BPPP)
	: Encik Ahmad Danial bin Hasbullah	(Wakil SPKP, BPPP)
	: Puan Naharriah binti Mohamed	(Wakil SPKS, BPPP)
	: Encik Mohamad Fareez bin Abd Wahab	(Wakil SPKS, BPPP)
	: Puan Tun Noor Adillah binti Mohammed Sohami	(Wakil SKPSM, BPPP)
	: Puan Fauziah binti Abdullah	(Wakil SKPSM, BPPP)
	: Puan Ruzaimah binti Zabri	(Wakil SKPSM, BPPP)
	: Puan Nur Yana Zulaikha binti Abu Hanifah	(Wakil BPOPA)
	: Puan Siti Aishah binti Bahrom	(Wakil BWTD)
	: Puan Norfariza binti Mohd Rosman	(Wakil PPPA)
	: Cik Varalaksimy a/p Gangan	(Wakil BPOPP)
	: Puan Nor Sakilawati binti Abd Wahab	(Wakil BPTM)
	: Encik Mohammad Faizal bin Md Fadil	(Wakil BKP)
	: Encik Noor Zuraimie bin Raiman	(Wakil BPAD)
	: Puan Emilia binti A. Rahman	(Wakil BA MOF)
	: Encik Noramin bin Juminen	(Wakil IPN)
	: Puan Tun Noor Adillah binti Mohammed Sohami	(Wakil UI)
	: Puan Nurhidayah binti Mazlan	(Wakil UU)
	: Encik Saly Ezmi bin Solisan	(Wakil PSA)
	: Puan Tengku Puteri Nur Aslina binti Tengku Khariman	(Wakil PERPENA)
	: Puan Ramsuhaida binti Ramli	(Wakil PERBAKTI)
	: Puan Intan Yusniazura binti Mohamed Yusop	(Wakil PUSPANITA)
	: Puan Nur Aisyah Aleya binti Abdullah Peter Legi	(Wakil JHEAIN)
	: Puan Noor Azlina binti Che Jian	(Wakil BERKAT)
	: Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali	(Wakil KESAN)
	: Puan Nuramirah binti Ruzalli	(Wakil AKRAB)

Editor	: Encik Zainuddin bin Manaf
	: Cik Norfaezah binti Amad Bistomam
	: Puan Siti Hanani binti Baharom
	: Puan Nur Amirah binti Mohomed Pekri
	: Cik Hajar binti Abd Razak
	: Encik Muhammad Radzi bin Che Ahmad
	: Encik Hishamudin bin Mohamad Azid
	: Encik Amirul Hakim bin Adlin
	: Cik Nur Aqilah binti Yahya
	: Puan Thohirah binti Abdul Rahman

PENGHARGAAN



Pengerusi dan semua Ahli Jawatankuasa
Laporan Aktiviti 2020
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
dan terima kasih kepada semua pihak
yang terlibat secara langsung mahupun tidak
langsung dalam menyumbangkan masa,
idea dan tenaga dalam penerbitan
Laporan Aktiviti 2020 ini.





INOVASI DIGITAL PEMACU PRESTASI UNGGUL

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2,
62594 Putrajaya

Tel : 03 - 8882 1000
Faks : 03 - 8889 5821
www.anm.gov.my

ISSN 2600-724X

